



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

Jilid II Bil. 7 Hari Selasa 5hb April, 1988

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANGUNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaaa (Pindaan) (Ruangan 31)

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987) (Ruangan 50)

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan
daripada Peraturan Mesyuarat** (Ruangan 95)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 5hb April, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAH MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTAHYAAN

FELDA - PENEMPATAN PENEROKA

1. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dirancang dan akan dilaksanakan untuk menjamin generasi kedua dalam PELDA akan meneruskan kegiatan pertanian generasi pertama sebagai petani yang gigih, maju dan sebagai peladang tersusun yang mengeluarkan hasil utama negara, getah dan kelapa sawit serta koko.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Dato Raji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua-, FELDA mula bergiat di arena pembangunan tanah dan penempatan peneroka sejak tahun 1956. Melalui pembangunan tanah FELDA, Kerajaan berhasrat untuk membangunkan keluarga peneroka itu sendiri supaya menjadi golongan masyarakat yang maju, berdisiplin serta dapat memberi sumbangan yang positif kepada pembangunan negara. Pendekatan pembangunan FELDA dilaksanakan melalui penyertaan dan penglibatan peneroka dalam pengurusan rancangan. Jika peneroka yang tua dan uzur tidak mampu lagi melibatkan diri dalam pembangunan rancangan, generasi kedua diatur dan dilatih untuk meneruskan tugas dan tanggungjawab membangunkan rancangan. Bagi memastikan kerja-kerja ladang peneroka terus dikendalikan secara berkesan dan memberikan pulangan maksima, program pengganti kerja peneroka telah dilaksanakan. Program ini telah mula dilaksanakan sejak tahun 1984 dengan bertujuan untuk mengenalpasti generasi kedua yang layak, berminat

dan sanggup mengambilalih dan mengurus kerja-kerja ladang peneroka.

Bagi merapastikan generasi kedua ini mampu mengendalikan kerja-kerja ladang mengikut teknik pertanian moden dan senantiasa 'committed' kepada pembangunan FELDA, kumus kepada pengganti kerja peneroka dilaksanakan. Kursus untuk pengganti kerja peneroka meliputi aspek-aspek pengendalian kerja-kerja ladang, pembangunan masyarakat dan aspek pengurusan FELDA. Peningkatan disiplin dan pembangunan kerohanian juga diberi keutamaan, bertujuan melahirkan pengganti kerja peneroka mempunyai disiplin kerja serta sanggup menghadapi cabaran-cabaran pembangunan.

Sehingga 29hb Februari, 1988, FELDA telah melatih seramai 3,212 orang pengganti kerja peneroka di 53 buah rancangan. Pada tahun 1988 ini, FELDA telah mengatur untuk melatih seramai 1,000 orang lagi pengganti kerja peneroka yang bakal mengambilalih kerja-kerja ladang mereka. Pengganti kerja peneroka yang telah diberikan kursus dan telah mengambilalih tugas penjagaan ladang terus diberikan bimbingan dan tunjuk-ajar oleh kakitangan FELDA dari masa ke semasa seiring dengan tahap pembangunan rancangan. Kursus ulangkaji kepada pengganti kerja peneroka juga dilaksanakan bertujuan supaya 'commitment' pengganti kerja peneroka kepada pembangunan FELDA berterusan.

Puab Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah pihak Kementerian ataupun FELDA bercadang membuka lagi tanah-tanah hutan yang luas di Malaysia kita ini terutama di Sabah dan Sarawak dan menempatkan petani-petani yang minat dan ingin meneroka, terutama dari Semenanjung untuk tinggal atau meneroka di Sabah dan Sarawak dan untuk generasi kedua yang akan datang juga?

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rancangan kita, FELDA diminta ataupun dikehendaki memajukan kira-kira 30,000 hektar kawasan setiap tahun. Setakat ini kita telahpun mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan walaupun kita berhadapan dengan sedikit masalah. FELDA telahpun melibatkan kawasan-kawasan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan kerja-kerja untuk memajukan dan membangunkan kawasan-kawasan tersebut sedang berjalan dengan pesat. Malahan di Sabah, peneroka-peneroka di satu rancangan telahpun mula dimasukkan.

Dr. Nordin Selat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya teringat pada zaman penjajah dahulu, apabila orang Inggeris memberi pelajaran kepada anak-anak petani Melayu, tujuan mereka ialah untuk menjadikan orang Melayu sebagai petani yang baik, yang mewarisi kerja ibubapanya. Jadi, kalau bapanya petani, anaknya pun petani. Jadi, saya nampak ada unsur-unsur ini dalam rancangan FELDA. Jadi, kalau begitu nanti, anak kerani jadi kerani, anak FELDA jadi FELDA dan anak D.O. jadi D.O. Saya rasa ini bertentangan sekali dengan Dasar Ekonomi Baru kita. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, rancangan yang kita lakukan ini seperti yang saya jelaskan tadi ialah untuk memastikan ladang-ladang yang ada itu ada orang-orang yang akan meneruskan kerja-kerja tersebut. Namun demikian, sekarang ini pada keseluruhannya kepadatan kira-kira 55,000 lebih anak-anak peneroka yang sudah kita kenalpasti lulus persekolahan masing-masing dan ada yang mempunyai pekerjaan bukan sahaja di dalam Rancangan, tetapi juga di luar Rancangan.

Selain daripada program ini, suka saya jelaskan juga iaitu FELDA sendiri mempunyai program-program lain untuk memberikan pengetahuan dan pelajaran vokasional kepada anak-anak peneroka. Setakat ini suka saya nyatakan, lebih daripada 11,000 anak-anak peneroka kebanyakannya lepasan SPM dan SRP telahpun dilatih di dalam pelbagai bidang kemahiran. Lebih daripada 11,000 anak-anak peneroka yang telah dilatih ini, FELDA sendiri telah dapat menampung dan menempatkan mereka itu ke dalam 12 buah perbadanan-perbadanan yang ada di dalam FELDA. Selain daripada itu, FELDA juga menyediakan kemudahan-kemudahan untuk memastikan anak-anak peneroka ini dapat meningkat jauh di bidang ilmu dan pengetahuan.

Suka saya maklumkan, ramai daripada anak-anak peneroka ini telahpun menunjukkan kemampuan dan keupayaan di bidang pendidikan tinggi. Adalah di antara mereka itu yang telahpun melanjutkan pelajaran di universiti-universiti dalam dan luar negeri dan mereka yang telah keluar daripada institusi-institusi pengajian tinggi itu sekarang ini berkhidmat di berbagai jenis bidang bukan sahaja dalam FELDA tetapi juga di luar FELDA. Jadi, ini menunjukkan kepada kita, Tuan Yang di-Pertua, bahawa apa yang dibuat ini adalah bersesuaian dengan kehendak satu-satu keadaan. Kita ingin memastikan iaitu rancangan pembukaan tanah kita ini akan dapat diteruskan dari masa ke semasa untuk memastikan dan mencapai matlamat-matlamat pembangunan negara keseluruhannya.

Dalam pada itu, kita tidak cuai untuk memastikan pertama sekali anak-anak peneroka diberikan bimbingan dan kemudahan bagi membolehkan mereka itu merebakkan kebolehan di pelbagai bidang yang lain.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penerangan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan. Saya telah difahamkan bahawa FELDA ada beberapa perbadanan yang telah menjalankan usaha-usaha mengeluarkan barang-barang siap dari bahan sawit dan getah. Apakah kilang-kilang ini ataupun usaha ini menjual sahamnya kepada peneroka ataupun dari modal Kerajaan semata-mata?

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, 12 perbadanan yang ada di dalam FELDA sekarang ini disertai oleh peneroka-peneroka dengan beberapa cara. Secara langsung, peneroka-peneroka digalakkan melaburkan di dalam perbadanan-perbadanan tersebut menerusi koperasi pembangunan peneroka atau koperasi pembangunan FELDA dan KPF. Untuk makluman Dewan ini, setakat ini lebih 33,000 orang peneroka-peneroka telahpun melabur di dalam berbagai perbadanan tersebut. Selain daripada itu, seperti yang pernah saya sebut dalam Dewan yang mulia ini juga, peneroka-peneroka melibatkan diri di dalam perbadann-perbadanan tersebut menerusi akaun-akaun peneroka dan kalau dicampurkan kedua-dua pelaburan tersebut yang dibuat menerusi akaun-akaun peneroka dan juga menerusi koperasi-koperasi pembangunan FELDA, sebahagian besar daripada juralah pelaburan-pelaburan tersebut adalah dipegang oleh peneroka-peneroka sendiri.

Beberapa Orang Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu lagi soalan tambahan sahaja. Sila Yang Berhormat Puan Rogayah.

Puan Rogayah binti Che Hat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah FELDA bercadang untuk mempelbagaikan ladang-ladangnya termasuk buah-buahan dan padi misalnya?

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada getah dan kelapa sawit, FELDA juga ada membuka ladang-ladang koko untuk diberikan kepada peneroka-peneroka. Selain daripada itu memang menjadi salah satu daripada matlamat FELDA untuk mempelbagaikan jenis-jenis tanaman yang sesuai mengikut kesesuaian tanah yang diberikan kepada FELDA sendiri.

PENYANYI ROCK LUAR NEGERI

2. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato Haji Ishak** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan mengenai dasar Kerajaan mengenai kemasukan dan pertunjukan penyanyi rock dari luar negeri. Kedatangan kumpulan Tina Turner dibenarkan dan sedangkan kumpulan Scorpian diharamkan.

Setiausaha Parlimen Kenenterian Kebudayaan dan Pelancongan [Tuan Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak menghalang sesiapa sahaja menyanyi di negara ini asalkan mematuhi syarat-syarat yang tertakluk di bawah peraturan yang telah ditetapkan.

Berhubung dengan pertunjukan penyanyi-penyanyi rock sama ada dari luar mahupun dalam negeri, konsert rock yang diharamkan oleh Kerajaan ialah Konsert rock berat (Heavy Metal Rock) yang diadakan secara umum dan terbuka sebagai persembahan tontonan ramai seperti di pentas-pentas terbuka, di pentas dalam arena atau di Dewan orang ramai dan lain-lain. Persembahan rock berat seperti ini boleh menimbulkan kekacauan dan menggugat ketenteraman umum.

Kedatangan Kumpulan Tina Turner dibenarkan kerana ianya tidak melanggar syarat-syarat yang ditetapkan. Beliau bebas dari najis dadah dan tidak merokok. Persembahannya tidak bercorak rock berat (heavy metal rock). Persembahan beliau adalah terkawal dan tidak menimbulkan kekacauan atau menggugat keselamatan umum.

API ELEKTRIK - KADAR BAYARAN

3. **Tuan Mustafa bin Awang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandangkan telah banyak pembinaan projek Hydro memproses tenaga elektrik dalam negara seperti di Terengganu, Perak, Pahang dan Kelantan, adakah pihak Kementerian dan Agensi yang berkenaan bercadang menurunkan kadar bayaran api elektrik yang digunakan oleh rakyat di negara ini. (Semenanjung)

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Ong Tin Kim]: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun banyak projek Hydro telah dibina di negara kita, namun demikian sebahagian besar penjanaan tenaga masih bergantung kepada sumber-sumber lain seperti minyak dan gas yang menelan belanja yang besar. Dengan penggunaan sumber-sumber tersebut, maka kos yang dikenakan kepada pengguna-pengguna terpaksa mengambil kira kos penjanaan.

Walaupun demikian, Kerajaan sedar bahawa kadar tarif elektrik hendaklah berada di tahap yang tidak begitu membebankan pengguna-pengguna di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara kita, Di atas keaedaran inilah maka kadar tarif telah diturunkan dalam bulan September, 1985. Di samping itu Kerajaan telah mula memperkenalkan sistem diskaun ke atas kadar elektrik bagi perusahaan-perusahaan seperti berikut.

- | | | | |
|----|----------------|---|-----|
| 1. | Hotel | - | 10% |
| 2. | Perindustrian- | | 20% |
| 3. | Tekstil | - | 20% |
| 4. | Perlombongan | - | 25% |
| 5. | Lampu Awam | - | 20% |

Tuan Yang di-Pertua, kadar tarif elektrik di negara ini jika dibandingkan dengan beberapa buah negara ASEAN seperti Singapura, Indonesia, Thailand dan Filipina tidaklah begitu tinggi malahan kadar elektrik di sektor perindustrian di negara ini adalah sama

dengan Singapura dan yang paling rendah di rantau ini. Begitu juga dengan sektor perdagangan dan hotel.

Dalam keadaan sedemikian, Kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan kadar bayaran elektrik buat masa **ini**.

Tuan Mustapha bin Awang: Soalaa tambahan. Tuan Yang di-Pertua, harga elektrik di Malaysia ini mengikut keterangan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi lebih murah daripada negeri Singapura, Thailand dan Indonesia. Tidakkah negara kita ini menjual tenaga elektrik ini ke Selatan Thai dan Singapura? Mengapa kita tidak boleh jual tetapi dia boleh jual kepada rakyatnya dengan harga yang murah?

Baru-baru ini satu lagi tenaga elektrik yang menggunakan gas di Dungun, Terengganu dengan kuasa 900 megawatt juga di Kenyir lebih daripada 460 megawatt. Memandangkan kepada dua tenaga elektrik ini sahaja tidak termasuk di negeri-negeri lain seperti Pahang, Sabah, Sarawak dan lain-lain, maka tarif elektrik boleh diturunkan lagi dengan harga yang lebih murah.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit silap faham, saya tidak kata kadar elektrik di negara kita adalah paling rendah sekali, tetapi saya katakan tidak begitu tinggi jikalau dibandingkan dengan Singapura, [Ketawa] Filipina dan Indonesia, kerana di beberapa sektor Singapura dan Indonesia adalah lebih rendah daripada kita, tetapi dalam sektor perindustrian dan sektor hotel jikalau dibandingkan dengan Singapura dan Filipina kita adalah paling rendah sekali.

NISBAH DOKTOR DENGAN PENDUDUK

4. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Kesihatan menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mencapai nisbah doktor penduduk 1:2300 sebelum tahun 1990. Nyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji kemungkinan mengiktirafkan kelulusan lebih banyak lagi Universiti luar negeri untuk mencapai target **ini**. Jika tidak, mengapa.

Menteri Kesihatan [Dato' Chao Siang Sun]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah doktor penduduk di negara kita pada masa ini ialah 1 : 2,896 penduduk. Kementerian Kesihatan dengan kerjasama universiti-universiti tempatan sentiasa berusaha untuk menambahkan bilangan doktor-doktor supaya ianya dapat memenuhi keperluan negara. Bilangan doktor-doktor di negara ini juga bertambah setiap tahun dengan pengambilan kira-kira 450-500 graduan perubatan ke dalam perkhidmatan awam dan ianya juga dijangka meningkat dengan adanya usaha-usaha Kerajaan untuk menambahkan terapat bagi pelajar-pelajar di Fakulti Perubatan di universiti-universiti tempatan. Di samping itu, pegawai-pegawai perubatan asing telah diambil untuk berkhidmat secara kontrak bagi mengatasi kekurangan doktor di dalam beberapa bidang kepakaran tertentu. Dengan adanya langkah-langkah tersebut Kerajaan akan dapat menghampiri nisbah doktor : penduduk 1 : 2,300 pada tahun 1990.

Puan Law Jack Yoon: Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri menyatakan selain daripada cadangan untuk mengiktirafkan kelulusan lebih banyak lagi universiti-universiti luar negeri untuk mencapai target ini, adakah Kerajaan akan mengwujudkan insentif-insentif atau langkah-langkah untuk menarik lebih ramai doktor-doktor di negara kita bekerja dengan Kerajaan, sebab saya rasa langkah ini adalah amat penting dalam mengurangkan kekurangan doktor-doktor Kerajaan serta "brain-drain", dengan izin, yang dihadapi oleh Kementerian Kesihatan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, memang ada insentif-insentif yang telah diberi kepada doktor-doktor yang pada

masa dahulu sudah ada rancangan untuk membuat beberapa insentif seperti memberikan kursus atau hadiah untuk mereka mendapat latihan lanjutan dan juga kursus dalam perkhidmatan. Juga kita sudah memberikan satu kenaikan pangkat secara automatik yang mana seseorang doktor yang telah berkhidmat selama 5 tahun dengan automatiknya dia akan dinaikkan kepada 'Doktor Kanan'. Jadi inilah insentif-insentif yang kita dapat beri supaya kita dapat banyak lagi doktor-doktor yang dapat berkhidmat di dalam Perkhidmatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi sudah terlupa ada sebahagian belum dijawab lagi dalam soalan pokok, yang mana dikatakan bahawa siswazah-siswazah dalam bidang perubatan dari universiti-universiti yang sedang diiktiraf oleh Kerajaan adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan di dalam Perkhidmatan Kerajaan, dengan kerana itu Kerajaan tidak bercadang hendak mengiktirafkan kelulusan perubatan daripada universiti luar negeri yang belum diiktirafkan lagi.

Untuk makluman pada hari ini kita sudah mengiktirafkan 237 buah universiti-universiti luar negeri yang mana dalam bidang yang tertentu. Jadi kita fikir cukuplah buat masa sekarang, yang mana kita sudah tida 237 buah universiti yang kita iktiratkan selain dalam negara kita ada 3 buah Fakulti Perubatan yang kita rasa cukuplah buat masa ini;

Tuan Mustapha bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri Kesihatan memberi penjelasan selain doktor-doktor perubatan biasa, adakah pihak Kementerian Kesihatan ini menyediakan ataupun akan menyediakan pakar-pakar farmasi yang bertaraf doktor untuk menyediakan ubat-ubat, sebab kalau ada doktor sahaja, ubat kita beli dari luar negeri pun tidak jadi, kedua-dua kita kena sedia dalam negara.

Dato' Chan Siang Sun: Doktor farmasi yang disebutkan tadi, ya, memang ada. Kita mempunyai dua Fakulti Perubatan di Universiti Sains Malaysia dan juga di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kita ada kursus-kursus untuk farmasi, tetapi untuk melanjutkan seseorang menjadi doktor farmasi barangkali mereka akan kena buat pengkajian lanjutan. Tetapi kita juga berharap satu masa yang akan datang negara kita akan ada doktor farmasi supaya dalam lapangan untuk mengeluarkan ubat-ubat tempatan yang tidak berapa sophisticated, barangkali kita boleh melangkah ke lapangan itu.

Buat masa ini sungguhpun kita cuma dapat pihak Kerajaan untuk mengeluarkan 202 sahaja ubat-ubat yang biasa untuk kegunaan hospital Kerajaan dan dengan perkembangan perindustrian atau perusahaan perubatan dalam negara, kita berharap di masa akan datang kita akan dapat menuju kepada apa yang diharapkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Haji Syed Hamid bin Sagaff: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan berapakah bilangan doktor berkontrak dari luar negeri sedang berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan sekarang dan bilakah pengambilan doktor-doktor asing ini akan diberhentikan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekaang kita ada lebih kurang 55 pakar-pakar daripada luar negeri dan sebahagian besarnya ialah pakar-pakar daripada negeri Burma yang baru datang 23 iaitu sebulan yang lepas, baki itu 20 lebih yang banyaknya daripada negeri India, Pakistan dan juga Bangladesh. Apabila kita mencukupi doktor-doktor pakar tempatan, pakar-pakar asing ini oleh kerana mereka berkhidmat di sini dengan cara kontrak, jikalau ada doktor atau pakar tempatan mengisi tempat itu, kita akan menamatkan kontrak itu.

KEMPEN BELILAH BARANGAN BUATAN MALAYSIA

5. **Dr. Ng Khok Kiung** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjelaskan:

- (i) apakah yang terjadi kepada Kempen "Belilah Barang Buatan Malaysia" yang dilancarkan dua tahun yang lalu; dan
- (ii) bagaimanakah tahap kejayaan yang tercapai dalam kempen tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Tuan M.G. Pandithan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kempen "Belilah Barang Buatan Malaysia" yang dilancarkan dua tahun yang lalu masih diteruskan oleh berbagai-bagai pihak, terutama sekali oleh golongan pengeluar dan peniaga tempatan sendiri. Apa yang sedang berlaku sekarang ialah usaha-usaha secara individu dijalankan oleh pengeluar dan peniaga-peniaga sendiri.

Pihak Kerajaan, melalui Pekeliling 'Perbendaharaan Bil. 15/1983 telah menetapkan peraturan supaya semua Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun membeli barang-barang dari buatan tempatan sahaja melainkan bagi barang-barang yang tidak boleh diperolehi dari sumber-sumber tempatan.

mengikut kajian yang dibuat oleh SRM (Survey Research Malaysia), adalah didapati terdapat kesedaran mengenai kempen dan objektif-objektif di kalangan 70% daripada rakyat Malaysia yang terdiri dari golongan berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi dan juga melibatkan semua kaum. Rakyat juga telah sedar akan keupayaan industri-industri tempatan mengeluarkan pelbagai barangan yang bermutu dan yang setanding dengan barangan import. Begitu juga

dengan pameran-pameran barangan buatan Malaysia yang dianjurkan oleh Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) telah dilaporkan mendapat sambutan rakyat yang memuaskan.

Pihak pengeluar-pengeluar tempatan juga mendapat maklumbalas mengenai kehendak dan citarasa para pengguna terhadap barangan keluaran mereka, Ini telah menyedarkan para pengeluar akan betapa perlu dan pentingnya mutu barangan dipertingkatkan, pembungkusan diperbaiki, strategi pemasaran dan penjualan diperkeras dan harga ditetapkan secara sederhana dan berpatutan.

Industri-industri tempatan juga telah bersaing di antara mereka dalam usaha meningkatkan lagi mutu barangan masing-masing. Ini jelas terbukti dari penyertaan yang kian meningkat dari berbagai-bagai sektor industri dalam pertandingan tahunan Anugerah Barangan Cemerlang yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian baru-baru ini.

Tuan Hg Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian bersetuju bahawa setengah-setengah pihak orang kita yang enggan mengguna atau membeli barangan buatan tempatan kerana mutu daripada buatan tempatan kita ini kurang baik?

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, ada setengah-setengah golongan menginginkan barangan buatan Malaysia bermutu kurang baik tetapi sebenarnya barangan buatan Malaysia adalah setaraf-tanding dengan barangan yang kita import ataupun barangan buatan Malaysia bermutu lebih tinggi daripada barangan yang kita mengimport.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, barang-barang Malaysia termasuklah kenderaan dan setakat ini berapa banyak jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun yang telah membeli atau menggunakan kenderaanbuatan Malaysia ini iaitu kereta Proton Saga?

Tuan N.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang isu **ini**. Haruslah Ahli Yaag Berhormat sendiri menggunakan kereta Proton Saga. Walau bagaimanapun, satu masa kelak Kerajaan akan menggunakan kereta nasional Proton Saga sebagai kereta rasminya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 6. Tetapi sedikit pembetulan dibuat PKK itu sebenarnya Pertubuhan Peladang Kawasan menjadi PPK iaitu "PKK" diganti dengan "PPK". Soalan yang ke (iii), "yang tidak mampu".

PKRTUBUHAN PELADANG KAWASAN - KOS PKNGURUSAN

6. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Pertanian menyatakan bilangan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) mengikut prestasi masing-masing berdasarkan:

- (i) PPK yang mampu bayar kos pengurusan sendiri dan membuat keuntungan;
- (ii) PPK yang mampu bayar kos pengurusan sendiri tetapi tidak membuat keuntungan; dan

- (iii) PPK yang tidak mampu membayar kos pengurusan dan tidak membuat keuntungan.

Nyatakan sebab-sebab kemerosotan prestasi PPK dan usaha-usaha yang telah diambil bagi mengatasinya.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Alexander Tu Luag Lee]: Tuan Yang di-Pertua:

- (1) Kos pengurusan bagi membiayai perjalanan sesebuah PPK adalah terdiri dari gaji dan elaun pegawai dan kakitangan Kerajaan yang ditempatkan di PPK tersebut, dan kos-kos lain seperti bayaran elektrik, air, telefon, alatulis, bahan cetak dan sebagainya. Kos gaji dan elaun merupakan 60% - 70% daripada jumlah kos pengurusan. Kerajaan hanya membiayai kos gaji dan sebahagian daripada elaun kakitangannya. Kos-kos yang lain adalah dibiayai oleh PPK sendiri.

Berdasarkan kepada kedudukan kewangan pada 31hb. Disember, 1987, belum diaudit, prestasi PPK (tidak termasuk PPK dalam kawasan MADA dan KADA) adalah seperti berikut:-

- (i) 141 buah PPK (77.9%) mampu membayar kos pengurusannya sendiri tetapi setelah mengambilkira kos kakitangan yang dibiayai oleh Kerajaan hanya 14 buah (7.74%) menunjukkan keuntungan manakala bakinya 127 buah PPK tidak menunjukkan keuntungan.

(ii) Hanya 40 buah PPK (22.09%) yang tidak mampu raembayar kos pengurusan dan tidak membuat keuntungan.

(2) Secara keseluruhannya prestasi PPK dalam tahun 1987 adalah bertambah baik kerana bilangan PPK yang mencatatkan keuntungan bercambah 9.3% iaitu dari 129 buah dalam tahun 1986 kepada 141 buah dalam tahun 1987. Purata keuntungan bersih juga telah meningkat dari \$42,466.35 kepada \$42,834.73. Ini merupakan peningkatan 3,3%. Walau bagaimanapun ada beberapa buah PPK yang mengalami kemerosotan prestasi perniagaan kerana kerugian projek tanaman dan pemasaran tembakau dan kurangnya kontrak-kontrak kecil yang ditawarkan oleh jabatan serta agensi Kerajaan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar masih ramai peladang-peladang belum menjadi ahli PPK dan adakah Kementerian Pertanian bercadang atau melancarkan kempen untuk meningkatkan lagi lebih ramai menjadi ahli PPK?

Dato' Alexender Yu Luog Lee: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu lain daripada soalan asal, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita memanglah ada menggalakkan petani masuk menjadi ahli-ahli PPK tetapi ini mengikut petani-petani sendiri hendak masuk atau tidak, kita tidak boleh paksa petani-petani menjadi ahli-ahli PPK.

Puan Hajjah Rosaah binti Haji Nohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah yang menyebabkan 127 PPK tidak untung, apakah faktor-faktor yang menyebabkan kerugian PPK.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, itu sudah dijawab. PPK mengalami kemerosotan prestasi perniagaan kerana kerugian projek tanaman dan pemasaran tembakau dan kurangnya kontrak-kontrak kecil yang ditawarkan oleh jabatan serta agensi-agensi Kerajaan.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah matlamat Kementerian menubuhkan PPK ini?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, matlamat Kerajaan untuk menubuhkan PPK ialah untuk menyelarskan usaha-usaha petani-petani supaya Kerajaan boleh meningkatkan pendapatan mereka dan boleh memberikan mereka satu kehidupan yang lebih tinggi.

PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM - PENGIKTIRAFAN

7. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Perdana Menteri menyatakan mengensi pengiktirafan sepenuhnya profesion pegawai perhubungan awam oleh pihak pengurusan jabatan-jabatan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh JPA bagi mengatasi masalah tidak diiktiraf sepenuhnya profesion tersebut oleh pengurusan di mana fungsi-fungsi dan tugas-tugas yang sepatutnya dijalankan oleh pegawai tersebut selalu diambil alih oleh pegawai atasan di jabatan masing-masing.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, sukacita dinyatakan di sini bahawa semua Kementerian dan agensi-agensi yang telah mengisi 59 jawatan kadar Pegawai Perhubungan Awam dengan pegawai-pegawai tetap dari Perkhidmatan Penerangan telah memberikan tugas dan fungsi yang sewajarnya kepada mereka. Oleh kerana tidak ada apa-apa masalah

dari Ketua-ketua Kementerian atau agensi mengenai Pegawai Perhubungan Awam tersebut atau sebaliknya, ini menunjukkan bahawa protes ini diiktiraf oleh Kementerian atau agensi berkenaan.

Satu kajian yang telah dijalankan oleh MAMPU, Jabatan Perdana Menteri dalam tahun 1985 menunjukkan bahawa 81.2% dari 16 ketua agensi telah berpendapat bahawa tidak ada berlaku penindihan fungsi di antara Pegawai Perhubungan Awam dengan pegawai-pegawai lain. Juga 93.8% daripada 16 Ketua Jabatan dan 69.6% daripada 23 Pegawai Perhubungan Awam telah menyatakan mereka berpuas hati dengan senarai tugas Pegawai Perhubungan Awam dan 91.3% daripada 23 Pegawai Perhubungan Awam telah menyatakan bahawa perkhidmatan mereka diperlukan oleh agensi masing-masing. Dengan hal yang demikian soal pengiktirafan jawatan Pegawai Perhubungan Awam serta fungsi-fungsinya adalah tidak timbul.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat yang menyoal itu juga membuat kajian akan perkara yang berkenaan. Saya pula ingin bertanya apakah penelitian yang telah dibuat itu benar-benar penelitian yang berdasarkan kepada satu penelitian yang adil atau semata-mata tanya zahir zahaja, sebab perkara-perkara begini kebanyakannya tersembunyi. Soalan saya adakah Kementerian sedar bahawa perkara ini sebenarnya berlaku di banyak kementerian, termasuk yang berlaku juga di satu kementerian yang terpenting dan perkara ini pernah dirayukan dan diadukan oleh pihak yang berkenaan kepada saya sendiri.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soal keadilan ini adalah satu soal yang susah hendak kita timbangkan. Walau bagaimanapun, kajian yang telah dibuat adalah menunjukkan bahawa Pegawai Perhubungan Awam itu berpuas hati dan sememangnya wujud, Kalau satu dua Kementerian, kemungkinan ada masalah atau komplek itu tidaklah melambangkan pada keseluruhan daripada Pegawai Perhubungan Awam itu tidak berpuas hati. Walaupun begitu, suka saya menyatakan bahawa kalau ada kes-kes yang tertentu bolehlah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun Jabatan Perdana Menteri untuk diselesaikan mengenainya satu-persatu.

PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI - TINDAKAN

8, Tuan Ng Peng Hay minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh manakah tindakan yang telah dijalankan oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pemaju perumahan di mana projek-projek perumahan mereka telah terbengkalai. Sebagai contoh di Melaka, di Alor Gajah, Batu Berendam, Sungai Udang danlain-lain.

Timbalan Nenteri Perumahan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mewujudkan satu unit khas yang mana diberi tugas kepadanya terutama bagi mengenalpasti sebab musabab sesuatu perancangan itu ditakrifkan kepada projek perumahan yang terbengkalai. Walau bagaimanapun, unit ini lebih berbentuk kepada memberi bantuan dan pertolongan bagi menyelesaikan untuk mencapai matlamat.

Biasanya bagi pihak unit ini mengadakan pertemuan-pertemuan dengan pihak pembeli-pembeli yang terlibat dengan perancangan itu dan sering dinasihatkan supaya pihak pembeli-pembeli menubuhkan satu jawatankuasa bersama untuk memudahkan perundingan dan juga bagi pihak unit ini sering mengadakan pertemuan di antara pembeli dengan pihak pemaju bagi mencari kata sepakat sama ada bagi pihak pemaju untuk menyerahkan projek itu kepada jawatankuasa pembeli bagi diselesaikan projek itu untuk dipulihkan. Unit ini juga sering mengenalpasti kepada pemaju-pemaju yang terpaksa menghadapi projek perumahan yang terbengkalai, terutama dari segi kewangan, dari segi kepakaran, dari segi pentadbiran dan sebagainya. Dan pihak Kementerian sendiri pernah mengadakan usaha bagi menemukan pihak pembeli, pemaju dengan pihak bank-bank untuk mengatasi masalah-masalah yang menyebabkan terbengkalai. Setelah sesuatu projek dipulihkan, apakala projek itu dikenal dengan secara projek terbengkalai, pihak Kementerian sendiri akan memberi perhatian seterusnya sehingga perancangan itu selesai dilaksanakan.

Umpamanya, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, satu projek di Alor Gajah, Taman Kelana Jaya, projek di Batu Berendam, Taman Bachang Baru dan projek di Sungai Udang, Projek Purana. Sebenarnya, projek Purana ini telahpun siap yang mana sijil tarafnya telahpun diberi dan pembeli-pembeli telahpun masuk setelah projek

ini sekian lama terbengkalai dan dipulihkan, cuma sekarang ini sedang di dalam persiapan jalan sahaja dan jalan ini sedang di dalam pembinaan sekarang.

Di antara cara-cara untuk mengatasi masalah ini, satu perkara yang amat ketara untuk membuktikan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, ataupun dengan kata lain, Kerajaan mengambil kira teguran dan pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli yang Berhormat melalui Dewan yang mulia **ini**. Oleh yang demikian, satu Rang Undang-undang telahpun dikemukakan kepada Dewan Rakyat dan telahpun diper-setujukan dan insya Allah setidak-tidaknya esok saya bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan akan mengemukakan Rang Undang-undang ini bagi mengatasi masalah yang dihadapi.

Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri berapa besarkah masalah projek perumahan terbengkalai dalam negara kita, dan kalau boleh, berilah statistiknya sedikit

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, statistik telahpun saya berikan di dalam sidang ini dalam sesi yang lalu, sehingga kepada 31hb Disember, 1987, keadaannya tidak ada apa-apa perubahan dan saya tidak berniat untuk menambahnya.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Saya ingin bertanya bagaimanakah Kementerian menyelesaikan masalah mengenai faedah bank yang dikenakan kepada pembeli-pembeli ketika projek itu terbengkalai?

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soal Faedah ini adalah perjanjian di antara pembeli dengan pihak institusi kewangan itu dan tidak ada kait dalam perjanjian dengan pihak Kementerian. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah saya

katakan sebentar tadi, pihak Kementerian dengan secara murah hati bertindak seolah-olah seperti orang tengah mengadakan pertemuan dan perundingan di antara pembeli dengan pihak institusi kewangan bagi mencari kata sepakat keputusan diambil di dalam pertemuan itu.

Tuan Hg Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian terhadap seorang pemaju yang telah bankrap dan telah menghilangkan diri di atas sesuatu projek yang terbengkalai?

Tuan Hussein bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu juga saya telah memberikan jawapan berulang kali di dalam sesi yang lalu yang mana seseorang yang telah bankrap, projek itu diambil alih sebagaimana di dalam jawapan saya sebentar tadi, dengan cara mengadakan pertemuan dengan pihak pembeli dan Jawatankuasa Pembeli dan kemungkinan berpandukan kepada kewangan dengan pihak institusi yang masih ada diselesaikan dengan secara mengadakan kontraktor-kontraktor yang baru.

SEKOLAH BANTUAN MODAL - BANTUAN ASAS

9. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Pendidikan menyatakah adakah rancangan untuk menukar sekolah-sekolah Bantuan modal ke sekolah-sekolah Bantuan penuh. Bolehkah diamalkan supaya kebanyakan sekolah-sekolah bantuan modal ini boleh menikmati bantuan asas seperti sekolah-sekolah bantuan penuh.

Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Akta Pelajaran 1961, semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan adalah sekolah bantuan penuh (fully-assisted schools). Semua sekolah ini diberi bantuan pengurusan, grant-in aid, dengan izin, seperti bayaran gaji guru dan kakitangan, bayaran ralatan, bantuan mata-pelajaran.

Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah bantuan penuh ini yang bukan milik Kerajaan, tidak layak menerima bantuan pembangunan atau bantuan modal yang sepenuhnya.

Kementerian Pendidikan tidak ada rancangan sendiri untuk menukarkan taraf sekolah-sekolah ini ke taraf sekolah yang dimiliki penuh oleh Kerajaan. Bagaimanapun, sekiranya Lembaga Pengurus sekolah membuat permohonan, perkara ini akan ditimbang mengikut undang-undang dan peraturan.

Tuan C. Krishnan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu Dewan yang mulia **ini**, berapakah jumlah sekolah-sekolah dalam tanahair kita yang belum dimiliki oleh Kerajaan. Kita sedia maklum bantuan penuh dan bantuan modal ini penting di mana sekolah bantuan modal yang tanahnya tidak dimiliki oleh Kerajaan mereka hendak membeli alat-alat seperti kerusi-meja pun susah. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar kalau mahu bukti, saya boleh bawa bukti di mana hendak buat satu tandas pun mereka hendak dapat bantuan daripada Kementerian sangat susah, dikatakan ini bangunan bukan dimiliki oleh Kerajaan. Kita sudah 31 tahun merdeka, alasan macam ini masih lagikah kita hendak beri kepada sekolah-sekolah bantuan modal, macam anak tiri, mereka hendak mendapat bantuan hendak mendirikan tandas pun begitu susah. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar - sebagai ahli politik - fikir seluruh tanahair **ini**, ini masalah masih dibiarkan berterusan, atau kita hendak mengambil satu tindakan yang sewajarnya?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, jumlah sekolah rendah di negara kita pada tahun 1987 ialah 6,720 buah, iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan ialah 4,876 dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) berjumlah 1,289 - yang mana jumlah yang dimiliki oleh Kerajaan ialah 431 buah dan yang tidak dimiliki oleh Kerajaan ialah 858 buah, Jumlah sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) pada tahun 1987 ialah 555 iaitu yang mana bangunan serta tanah yang dimiliki oleh Kerajaan ialah 167 buah dan tanah serta bangunan yang tidak dimiliki oleh Kerajaan adalah berjumlah 388 buah. Ini jawapan bagi soalan pertama.

Untuk menjawab soalan kedua mengenai teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya juga sebagai seorang Wakil Rakyat beraaa begitu sepertimana yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebab saya berada di Kementerian Pendidikan, saya faham ada peraturan-peraturan untuk diikuti. Bukanlah Kerajaan tidak hendak menolong semua sekolah tetapi Kerajaan mesti menimbang keizinan kewangan. Sungguhpun di sini Kerajaan sudah membezakan sekolah ini kepada dua jenis sekolah di bidang pembangunan, tetapi kita mesti mengaku bahawa Kerajaan sudah memberi penuh kewangan untuk membayar gaji guru, kakitangan, peralatan dan sebagainya dan sudah memberi penuh latihan kepada semua gurutanpa kira sama ada guru itu berada di sekolah yang dimiliki penuh oleh Kerajaan ataupun tidak dimiliki oleh Kerajaan. Kementerian ada rancangan untuk memberi lebih banyak peruntukan kepada sekolah-sekolah yang tidak dimiliki oleh Kerajaan tetapi ini hendaklah ditimbang mengikut keizinan kewangan Kerajaan.

PENGANGKUTAN/PERHUBUNGAN RANTAU ASEAN

10. **Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff** minta Menteri Pengangkutan menyatakan usaha yang telah dijalankan untuk mewujudkan kerjasama dalam bidang pengangkutan bagi rantau ASEAN.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk mewujudkan kerjasama dalam bidang pengangkutan dan juga perhubungan bagi rantau ASEAN terletak di bawah tanggungjawab Jawatankuasa ASEAN Mengenai Pengangkutan dan Perhubungan yang telah ditubuhkan pada tahun 1976. Jawatankuasa ASEAN ini yang lebih dikenali sebagai COTAC adalah salah satu Jawatankuasa Ekonomi ASEAN di bawah naungan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN. Malaysia adalah tuan rumah kepada Jawatankuasa tersebut dan Pengerusi Jawatankuasa ini adalah Ketua Setia-usaha Kementerian Pengangkutan.

Untuk melicinkan mekanisme pelaksanaan projek-projek dan aktiviti-aktiviti di bawah COTAC, empat buah Jawatankuasa Kecil COTAC yang meliputi kesemua bidang pengangkutan dan perhubungan telah ditubuhkan. Jawatankuasa Kecil tersebut adalah Jawatankuasa Kecil Mengenai Perkapalan dan Pelabuhan, Jawatankuasa Kecil Mengenai Penerbangan Awam dan Perkhidmatan-perkhidmatan Yang Berkaitan, Jawatankuasa Kecil Mengenai Pengangkutan Jalan dan Jawatankuasa Kecil Mengenai Pos dan Telekomunikasi.

Kesemua projek dan aktiviti di bidang pengangkutan dan perhubungan yang dikenalpasti untuk pelaksanaan adalah dikendali dan diselaraskan di bawah satu program kerja yang ditubuhkan oleh COTAC iaitu dinamakan Program Kerja yang Disatukan (Integrated Work Programme) ASEAN Mengenai Pengangkutan dan Perhubungan. Program Kerja tersebut bertujuan untuk memastikan bahawa kesemua projek dan aktiviti di bawah COTAC dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan

tanpa duplikasi. Setiap Program Kerja tersebut adalah untuk jangka-masa 5 tahun dan akan dikaji semula selepas 5 tahun. Program Kerja tersebut telah masuk kepada "cycle" keduanya iaitu untuk jangkamasa 1987-1991. Setakat ini terdapat 58 projek dan aktiviti yang telah dikenalpasti untuk pelaksanaan di bawah Program Kerja tersebut.

Melalui projek dan aktiviti tersebut, maka kerjasama di antara negara-negara ASEAN di bidang pengangkutan dan perhubungan dapat dipereratkan. Di samping itu dengan berbagai latihan dan kursus yang telah dijalankan baikpun dibiayai oleh ahli negara-negara ASEAN sendiri mahupun dari luar, maka Pembangunan Tenaga Manusia dapat dipertingkatkan.

Di samping itu COTAC juga giat berusaha untuk mendapat bantuan daripada negara-negara Ketiga seperti Kanada, Amerika Syarikat, negara-negara EEC, Jepun dan organisasi antarabangsa seperti UNDP untuk membiayai projek-projek dan aktiviti-aktivitinya. Oleh yang demikian, dialog di antara negara-negara ASEAN dengan negara ketiga itu dan organisasi antarabangsa diadakan tiap-tiap tahun dengan tujuan untuk mengenalpasti bidang kerjasama yang mungkin dibiayai oleh negara-negara tersebut yang akan bermanfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Melalui COTAC, usaha akan diteruskan bagi mengenalpasti projek-projek baru bagi tujuan mempereratkan lagi kerjasama dan hubungan di antara negara-negara ASEAN pada keseluruhannya.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada COTAC ini akan melibatkan perkongsian sumber-sumber pengangkutan misalnya penggunaan kapal-kapal MISC.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, dari segi penggunaan sumber-sumber dan kerjasama di antara semua negara-negara ASEAN ini dan juga dengan negara-negara ketiga dan organisasi antarabangsa memang tadi telah saya sebutkan - ada. Tetapi mengenai kapal, biasanya sesebuah negara itu akan mengutamakan kegunaan kapal kepunyaan negara masing-masing tetapi ia tidak pula menghalang dan sering juga membawa dan mengangkut barang-barang kepunyaan negara-negara ASEAN yang lain dan negara-negara luar. Di samping itu, sebenarnya kalau saya hendak senaraikan atau bacakan, panjang lagi masanya, kerana tadi saya telah menyebut 58 projek dan aktiviti telah dilaksanakan dalam berbagai bidang mengenai pengangkutan dan perhubungan antara negara-negara ASEAN ini dan kalau Yang Berhormat berminat, bolehlah saya menghantar senarai itu secara bertulis.

Tuan Haji Abdul Najid bin Haji Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini, dalam projek bersama pengangkutan ini, apakah jenis-jenis yang dijalankan khusus untuk pengangkutan pelancong di antara negara-negara ASEAN?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang khusus dilaksanakan untuk menggalakkan pelancongan di antara negara-negara ASEAN ialah tambang ASEAN yang dipanggil "Circle Trade Fare" dan "ASEAN Promotional Fare" dan ini juga panjang ceritanya dan kalau Yang Berhormat berminat dan boleh menggalakkan pelancong-pelancong menggunakan tambang ASEAN ini, saya boleh berikannya secara bertulis.

IKLIM PELABURAN MALAYSIA

11. **Tuan Haji JaaEar bia Harun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah yang dikatakan Iklim Pelaburan Malaysia. Bila diwujudkan dan berapa banyak Pelaburan Pemodal Asing yang telah melabur serta projek-projek yang berkaitan dengannya. Harap dapat angka-angkanya untuk tempoh (5) tahun kebelakangan ini. Sehubungan dengan ini bagaimana pula hubung kaitnya dengan pelaburan usahawan tempatan dan usahawan Bumiputera serta faedah-faedah yang didapati tentang peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia.

Tuan M. G. Paadithan: Tuan Yang di-Pertua, jika Ahli Yang Berhormat bermaksud suasana Iklim Pelaburan Malaysia, pada masa ini ternyata ianya amat menggalakkan. Ini adalah kerana di samping kestabilan politik yang sedia ada, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk meningkatkan lagi pelaburan sektor swasta dan menarik lebih banyak pelaburan asing. Di antara langkah-langkah tersebut ialah pembaikan galakan-galakan yang sedia ada, kelonggaran syarat-syarat mengenai pelesenan aktiviti perkilangan di bawah Akta penyelarasan Perindustrian, 1975, memperkenalkan Akta Penggalakan Pelaburan, 1986, pindaan ke atas Akta Cukai Pendapatan dan kelonggaran garis-garis panduan ke atas penyertaan ekuiti asing dan jawatan-jawatan asing dalam sektor perkilangan. Langkah-langkah tersebut telah mula menampakkan kesan-kesan yang positif bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat operasi perkilangan.

Dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini, jumlah ekuiti asing dalam projek-projek perindustrian yang diluluskan ialah \$2,171.1 juta. Terdapat peningkatan yang besar dari segi ekuiti asing di mana pada tahun 1983 ianya berjumlah \$296.3 juta sahaja, meningkat kepada \$750 juta pada tahun 1987. Angka mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun		Ekuiti Asing
1983	-	\$296.3 juta
1984	-	\$275.4 juta
1985	-	\$324.9 juta
1986	-	\$524.5 juta
1987	-	\$750.0 juta

Projek-projek perindustrian yang mempunyai kelulusan terbanyak melabur di dalam industri barang-barang elektrik dan elektronik, industri pengilangan makanan, industri kelengkapan pengangkutan, industri barang-barang bukan logam, industri barang-barang getah, industri tekstil dan barang-barang tekstil, industri barang-barang logam dibentuk dan industri kimia dan barang-barang kimia.

Jumlah ekuiti usahawan tempatan (bukan Bumiputera) bagi projek-projek yang diluluskan bagi jangkamasa tahun 1983 hingga tahun 1987 pula ialah \$2,171.1 juta. Angka mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahuu		Ekuiti [Bukan Bumiputera]
1983	-	\$266.0 juta
1984	-	\$422.6 juta
1985	-	\$506.0 juta
1986	-	\$647.3 juta
1987	-	\$329.2 juta

Bagi ekuiti Bumiputera pula bagi tempoh yang sama berjumlah \$3,125.6 juta. Angka mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun		Ekuiti Bumiputera
1983	-	\$460.2 juta
1984	- -	\$515.4 juta
1985	-	\$992.8 juta
1986	- -	\$707.0 juta
1987	-	\$450.2 juta

Projek-projek yang diluluskan bagi jangkamasa 1983-1987 telah memberi sebanyak 253,974 peluang pekerjaan. Ini menunjukkan sektor perkilangan dapat memberi peluang-peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyat tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 64 adalah

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [4hb April, 1988]

Timbalan Yang di—Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom menyambung semula ucapan hari kelmarin, terlebih dahulu saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini iaitu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan menggulung perbahasan atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) lebih kurang pada jam 4 petang ini.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom menyambung tetapi hendaklah berhenti lebih kurang jam pukul 4 petang nanti. Dipersilakan.

3.34ptg.

Tuan Raji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung sedikit lagi perbahasan mengenai dengan suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa Fasal-fasal yang disebutkan sewaktu pembentangan ini dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyentuh mengenai perkara pengambilan tanah dan pemulangan tanah daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Saya percaya dan yakin ini adalah satu perkara yang akan memberi manfaat sebaik-baiknya kepada kedua-dua belah pihak di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan,

Dan untuk melicinkan pentadbiran negara terutama di dalam beberapa bidang yang di masa-masa yang lalu kita menghadapi beberapa masalah maka daripada kesedaran itulah maka pindaan ini di bawa ke Dewan ini untuk diluluskan supaya kelicinan pentadbiran yang ada hubung-kaitnya dengan pembangunan dan sebagainya, yang ada hubungan dengan tanah sebagai milik Kerajaan Negeri dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pindaan yang lain yang menyebutkan bahawa keputusan Mahkamah Syariah tidak lagi akan dibawa kepada mahkamah sivil sebagaimana yang sudah-sudah. Ini adalah satu keputusan yang amat baik yang dibuat oleh pihak Kerajaan di dalam hendak melaksanakan dan menaikkan taraf Mahkamah Syariah setaraf dengan Mahkamah-mahkamah Magistrete.

Kita seraua maklum bahawa keputusan Hakim Mahkamah Syariah bukan berpandukan kepada undang-undang yang dicipta seperti Perlembagaan yang boleh kita pinda atau boleh kita ubah-ubah apabila kita menghadapi sesuatu masalah.

Hakim Mahkamah Syariah menentukan hukuman sebagaimana yang telah diputuskan di dalam undang-undang syarak. Cuma sekarang ini di dalam undang-undang syarak tidak menyatakan hukuman sepenuhnya sepertimana yang telah ditentukan oleh agama, oleh Al-Quran. Cuma itu sahaja yang menjadi rungutan kepada orangramai mengapa Mahkamah Syariah tidak memutuskan mengikut hukuman yang telah ditentukan oleh Al-Quran dan Hadis.

Mahkamah Syariah sekarang ini tidak dapat menjatuhkan hukuman bagi orang yang minum arak di dera dengan 80 kali sebut misalnya. Orang yang berzina, yang mokhsin dengan hukuman yang tertentu, yang ghaira mokhsin dengan hukuman yang tertentu. Kalau orang yang sudah bersuami atau yang sudah beristeri berzina dan sah didapati berzina ditanam sekerat badan dan direjam sehingga mati. Orang yang belum kahwin di rotan.

Ini tidak dapat dilaksanakan oleh hakim Mahkamah Syariah sepenuhnya kerana beberapa faktor. Tetapi masyarakat, sebahagian daripada masyarakat Islam dalam negara kita menghendaki hukum yang telah ditentukan oleh Islam itu dilaksanakan dan sekarang ini Kerajaan membawa satu pindaan bahawa keputusan Mahkamah Syariah tidak boleh dirujuk ke Mahkamah Sivil. Jadi, ini adalah satu cabaran kepada para hakim Mahkamah Syariah untuk menyiapkan, melengkapkan kedudukan Mahkamah Syariah itu supaya setanding supaya akan dipandang tinggi oleh masyarakat Islam sendiri dan masyarakat yang bukan Islam dapat menerima keputusan Mahkamah Syariah itu sebagai suatu keputusan yang adil mengikut hukum yang telah ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada menyebutkan beberapa kalimah-kalimah daripada ayat Al-Quran yang meminta kepada kita manusia ini supaya berbuat baik. Maka ini ada hubung kaitnya dengan pindaan terbesar di dalam Fasal 121 Perlembagaan Negara iaitu bidang kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi lagi sepotong ayat suci Al-Quran yang berbunyi: Auzubillah himiaasyaitan nirajim. Wabbtaghi fiima aataakallaahud daarul aakhirata wala tansansiibaka minnaddunya wa ahsin kamaa ahsanallaahu ilaika wala tabghilfasaada fil ardhi innallaaha la yuhhibul raufsidin.

Kita membuat satu undang-undang kerana Dewan ini adalah badan perundangan yang akan memutuskan satu-satu undang-undang untuk negara, undang-undang dibuat adalah untuk kebajikan manusia, untuk kebajikan umat, untuk kebajikan rakyat. Dalam pada itu: Wabbtaghi fiima aataakallaahud daarul aakhirata. Kita mencipta undang-undang

hari Ini bahawa di hari akhirat besok undang-undang yang kita cipta ini akan ditanya dari akhirat.

Saya tidak mahu saya ditanya Hei, Haji Shaharom, kenapa engkau luluskan undang-undang ini menekan orang. Saya tidak mahu. Saya tidak mahu menanggung risiko di akhirat besok.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengingatkan kepada satu rencana yang ditulis oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada tahun 1970. Di dalam sebuah buku Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir yang mana buku itu pernah diharamkan dan sekarang sudah dihalalkan iaitu buku 'Malay Dilemma', dalam mukasurat 13. Di mukasurat 13 dalam buku "The Malay Dilemma" itu saya ambil sebahagian atau saya fokuskan: Bahawa sidang-sidang Parlimen hendaklah jangan digunakan untuk meminda Perlembagaan kerap sangat atau selalu sangat kerana kalau pindaan dibuat selalu sangat akan menjatuhkan taraf undang-undang yang diputuskan itu sebagai lembaran kertas yang tidak berguna.

Tetapi saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, sejak Disember tahun berapa - sewaktu kita krisis Perlembagaan, ini baru pindaan besar yang kita buat dan saya yakin bahawa pindaan yang dibuat terhadap Perlembagaan di Parlimen iaitu di Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini ialah apabila berlaku sesuatu masalah yang dianggap boleh meruncingkan kedudukan pemerintah, kedudukan Kerajaan, kedudukan kehakiman, keadaan negara.

Hari ini sahaja berlaku beberapa peristiwa yang semua rakyat boleh baca dalam suratkhbar pasaran saham sudah jatuh. Jadi, kita tidak mahu keadaan ini berterusan. Kita tidak mahu nilai saham di Bursa Saham itu jatuh, jatuh, jatuh, kita tidak dapat hendak menaikkan keadaan ekonomi negara kita lebih baik, lebih ke depan untuk

Faedah negara dan rakyat. Jadi, pindaan kali ini saya rasa sesuai dengan keadaan yang memerlukan perkara yang besar yang akan dipinda yang telah dibawa pembentangannya ialah Perkara 121 Kuasa Kehakiman bagi Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,. sewaktu membentangkan Akta ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyebut Kerajaan sedar tentang perlunya kebebasan kehakiman di negara kita **ini**. Kebebasan Kehakiman yang terdapat di negara ini diperakui dan dihormati di kalangan dunia antarabangsa. Kerajaan mahukan keadaan itu diteruskan dan tidak sekali-kali berminat untuk mempengaruhi pihak Kehakiman supaya menyebelahi Kerajaan. Kerajaan akan terus menghormati semua keputusan mahkamah tanpa mengira sama ada ia menang ataupun kalah dalam kes-kes tertentu yang dibawa ke mahkamah.

Setakat **ini**, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah ingatan saya Kerajaan sudah kalah tidak kurang sepuluh kali di dalam beberapa kes yang dibawa ke mahkamah. Dalam kes-kes pilihanraya, misalannya. Tuan Yang di-Pertua, itulah demokrasi, itulah demokrasi ala Malaysia yang diamalkan oleh negara kita, demokrasi yang disetujui oleh rakyat, rakyat dalam negara Ini seramai hampir 16 juta pendokong demokrasi berperlembagaan ini. Ada dewan Perundangannya, ada Eksekutifnya, ada badan Kehakimannya. Maka kalau di antara badan-badan yang telah diberi amanah oleh rakyat **ini**, saya ulangi lagi sekali berlaku berantakan maka yang akan menerima akibat ialah rakyat. Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati terpijak. kalau di antara badan Kehakiman dengan badan Eksekutif dah satu lagi badan Perundangan ini berantakan maka yang akan menerima kesan ialah rakyat. Apabila harga saham turun rakyat ramai akan menghadapi risikonya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu membentangkan Akta Pindaan Perlembagaan ini di Dewan Rakyat beberapa hari yang lalu, Perdana Menteri meminta supaya pihak Kehakiman menumpukan perhatiannya kepada keadilan dengan tidak memihak kepada sesiapa dan tidak terlibat dengan parti-parti politik.

Saya tidak tahu sejauh mana keadaan ini berjalan dalam negara kita. Jadi, kalau kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan Rakyat sewaktu membawa Pindaan Perlembagaan ini telah menyatakan demikian, ini adalah satu perkara yang saya sendiri memikirkan, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku dalam negara kita kerana salah takrif, kerana salah pengertian di antara penggubal undang-undang dengan pihak Kehakiman maka berlaku berantakan, ini tidak patut.

Dalam Al-Quran lagi mengajar kita, ertinya Tanya kepada ahlinya kalau kamu tidak terang, tak jelas. Jadi, ertinya musyawarah itu mesti terus berjalan di antara ketiga-tiga badan **ini**, di antara Perundangan, Eksekutif dan Kehakiman.

Kita menggalakkan orang di bawah berdialog, bersemuka dua hala di antara rakyat dengan Wakil Rakyat dengan pegawai Kerajaan, Tok Penghulu dengan Ketua Kampung, kita menggalakkan supaya diadakan majlis terbuka bersemuka, keluarkan isi hati, jangan terpendam, keluarkan isi dada dan isi kepala. Orang selalu bercakap saya akan keluarkan apa yang ada dalam perut habis-habisan, busuk, jawabnya.

Orang lupa, orang kalau emosi dia kata apabila aku berdepan dengannya aku akan keluarkan habis-habisan apa yang tersimpan dalam perut. Yang dalam perut "tahi", keluarkan busuk. Inilah jadi berantakan. Kita mesti gunakan 'kalau berdepan akan dikeluarkan apa yang tersimpan di kepala dan di hati, itu yang murni. Tetapi kerana tidak ada dialog, kerana tidak ada bersemuka di antara badan-badan yang mempunyai kuasa tertinggi dalam negara kita, maka timbul berantakan. Timbul berantakan sepertimana yang saya katakan semalam, Tuan Yang di-Pertua, kerana adanya hukuman-hukuman yang dijatuhkan tadi dan kerana timbul sebagai contoh membuat tuduhan bahawa Menteri bertindak dengan sewenang-wenangnya dan berniat buruk, Ini berantakanlah, berantakan di antara 2 badan yang mempunyai kuasa, yang satu menentukan keadilan, kemudian apabila hendak menuntut keadilan tadi tuduh orang lain buat tidak betul. Orang ini pula kata yang dia tidak tahu hendak jatuh hukum, yang di sini pula kami sudah buah hukuman macam ini awak tidak baca betul-betul. Jadi yang duduk dalam Dewan **ini**, Dewan Rakyat dan Dewan Negara, kita sudah putuskan, berbahas, kita sudah nasihatkan, buat teguran supaya berundingan, bertanya, apa salahnya. Undang-undang ini tuan enterpretasinya apa! Apa salahnya.

Kita tidak akan menencemar sesiapa, kita tidak akan memalukan sesiapa, kerana Nabi berpesan: "Jangan beri malu orang, nanti di akhirat engkau akan diberi malu berlipat ganda". Sebab itu dikatakan tadi: "wa-ahsin kamaa ahsanallaahu ilaika", ertinya "Berbuat baiklah engkau sesama manusia, nanti Allah akan berbuat baik kepada engkau sepertimana Allah telah berbuat baik kepada engkau". Ini firma Allah. Jadi, kalau kita mengingat **itu**, Tuan Yang di-Pertua, setiap undang-undang yang berindukkan, beribukan kepada Perlembagaan

ini, masing—masing mentafsirkan mengikut kehendak masing-masing, tidak ada musyawarah namanya, tidak ada syura bainahum, kerana masing-masing menganggap masing-masing lebih daripada yang lain. Ini sikap manusia biasa yang menganggap dirinya lebih dari orang lain.

Jadi, dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara yang samar-samar inilah maka pindaan kepada Perlembagaan yang besarnya dalam Perkara 121 ini dibawa untuk dijelaskan lagi. Kerana saya kata semalam juga bahawa saya bukan orang undang-undang, saya tidak akan menyebutkan fasal demi fasal, cerai demi cerai dalam Perkara 121, menentukan mahkamahkah, menentukan hakimkah, itu ter—serah nanti kepada enterpretasi, penafsiran mereka yang akan melaksanakannya.

Apa yang saya fikirkan bahawa perkara ini, apa yang saya renungkan perkara ini adalah perkara yang baik kerana undang-undang kita bertulis, kita tidak menggunakan undang-undang yang tidak bertulis, kita menggunakan undang-undang yang bertulis hitam di atas putih, terang, jelas. Tidak munasabah pada hari ini kita pinda, tidak munasabah dalam saat sekarang, kita pinda undang-undang kecilnya. Untuk meminda Perlembagaan sepertimana kehendak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan berulang selalu-selalu, kerana nanti Perlembagaan atau undang-undang itu akan menjadi kertas yang tidak ada faedah. Kita tidak mahu kalau satu-satu pindaan undang-undang itu dibuat untuk kepentingan satu-satu golongan, kita mahu pindaan itu untuk keadilan umat sejagat. Sejagat-sejagat kita di Malaysialah bukan satu dunia. Untuk kepentingan umat kita, rakyat kita, untuk kepentingan negara kita, untuk kelicinan pentadbiran dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Mahkamah atau bidang kehakiman ini satu bidang yang selama ini dalam negara kita seolah-olah satu kelompok

manusia yang dipagar oleh tembok tinggi yang orang lain tidak boleh tahu kerana penjajah mendidik orang Malaya supaya gerun kepada Hakim, gerun kepada Mahkamah, apa lagi kalau Mahkamah Tinggi. Seolah-olah Mahkamah itu satu bangunan dan satu kelompok manusia yang ditembok dengan tembok tinggi, yang orang luar tidak tahu apa yang berlaku di dalamnya, kecuali apabila Black Maria sudah keluar daripada tempatnya. Ini berlaku berpuluh-puluh tahun lamanya, tetapi hari ini apabila berlaku peristiwa-peristiwa dalam negara yang kita tidak duga selama ini, keadaan ini sudah terbuka, terbentang kepada orang ramai, orang di warung-warung kedai kopi, budak-budak yang main snooker, yang kita hebohkan itu pun sudah baca; apa sudah jadi dengan bidang-bidang ini, bidang Kehakiman dalam negara kita ini. Wibawa Menteri disentuh, wibawa Kehakiman disentuh, wibawa Dewan-dewan Perundangan Negeri disentuh.

Apakah ini kemajuan kita berfikir, apakah ini kerana seolah-olah kita sudah sampai kepada satu tahap tamadun yang tinggi sehingga kita membawa, memaparkan perkara-perkara yang selama ini menjadi rahsia, Bukannya rahsia sulit Kerajaan, maknanya orang awam tidak tahu. Jadi, hari ini orang pertikaikan, Oh! keadaannya begini rupanya. Oh! ini yang berlaku di bidang ini; Oh! ini keadaannya, patutlah macam ini, maka timbul sudahlah! Sampai luar pun boleh cakap: alah! hakim pun boleh dibeli. Ini kes mesti Kerajaan menang, dia makan gaji. Kes ini Kerajaan kalah, ini undang-undang silap.

Biasanya, Tuan Yang di-Pertua, apabila satu—satu undang-undang mahu dipinda, terutama Perlembagaan, biasanya yang sudah-sudah dalam negara kita ini ada satu kumpulan lagi manusia dari peguam-peguam yang bijak, dikatakan Bar Council, dipanggil orang ini ditinjau

fikirannya. Ini saya ingin tanya kepada Kerajaan, adakah di dalam hal ini juga pihak Bar Council telah ditanya kerana saya sudah dengar bahawa pihak Bar Council tidak puas hati dan akan bawa ke Mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah dengar, dengar desus menyatakan mereka tidak puas hati kerana ini menekan satu pihak, menguntungkan satu pihak. Ini saya tidak tahu. Saya sampaikan dalam Dewan ini untuk dipertimbangkan untuk pihak Kerajaan bersedia pula untuk menyelamatkan perkara ini. Jadi sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita tidak mahu menyatakan banyak-banyak perkara seperti mana siswazah menganggur, kalau orang ini buat kumpulan, apa akan jadi. Jawapanya tidak ada apa-apa. Tetapi berita dan sudahpun dibentuk jawatankuasa penaja bahawa mereka ini akan menubuhkan satu parti politik. Daripada kalangan siswazah penganggur, pensyarah-pensyarah, golongan akademik akan menubuhkan parti politik yang dinamakan PINTAR. Kita orang politik merenung jauh ke hadapan, tengok apa yang akan berlaku, Inilah keadaanya.

Begitulah, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan-pindaan ini, namun beberapa perkara yang saya tanya tadi dapat penjelasan sebaik-baiknya supaya Kerajaan dapat bersedia di dalam menghadapi masalah-masalah ini.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan yang ada pada Ahli-ahli. Dewan Negara ini adalah Perlembagaan yang lama, buku yang lama, yang sudah menghadapi beberapa perubahan. Apa salahnya kalau Ahli-ahli Dewan Negara ini diberi satu naskah buku Perlembagaan negara yang terbaharu yang mengandungi pindaan-pindaan yang terbaharu. Sepatutnya ada pada kami di sini. Saya pinjam dan yang ada pada saya adalah edisi tahun 1970, patutlah Perkara 121 di sini pada saya elok, rupanya apabila buka, buku yang baru sudah kurang elok, maka dipinda hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk diluluskan di Dewan yang mulia ini. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Menteri yang berkenaan untuk menjawab..

4.01 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan pindaan Perlembagaan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada petang semalam.

Seramai 10 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini semuanya menyokong penuh cadangan Kerajaan meminda Perlembagaan tersebut dengan tujuan-tujuan seperti yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam.

Semasa perbahasan tersebut Ahli-ahli Yang Berhormat nampaknya telah membahaskan secara bersungguh-sungguh serta mengemukakan hujah-hujah sokongan mereka. Beberapa cadangan, teguran dan syorsyor juga telah dikemukakan. Kerajaan sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas sokongan mereka yang tidak berbelah-bahagi itu.

Dalam tempoh perbahasan tersebut kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai Perkara 83 hingga 86 dan Perkara 121. Tuan Yang di-Pertua, mengenai Perkara 121, Yang Berhormat Senator Azman Atar bin Othman dan Yang Berhormat Haji Shaharom menggesa supaya Hakim-hakim Mahkamah Syariah diberi tempat yang sewajarnya. Saya suka menjelaskan, usaha-usaha telahpun dijalankan untuk memperkemaskan sistem pentadbiran Mahkamah Syariah dan meletakkan Hakim-hakim Syariah di tempat yang sewajarnya. Pusat Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah badan yang menyelaraskan usaha ini, manakala pelaksanaannya adalah secara berperingkat-peringkat. Untuk meningkatkan kecekapan Hakim-hakim tersebut dan menjamin keyakinan orangramai, hakim-hakim tersebut telah dihantar ke Universiti Islam, Antarabangsa Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Senator R.M. Jasni menyentuh tentang dakwaan pihak yang menentang pindaan yang mendakwa pihak Mahkamah dan Kehakiman kononnya tidak lagi mempunyai kuasa untuk mentakrif mana-mana undang-undang negara. Beliau menyokong pindaan dengan menyatakan memberi kebebasan kepada para Hakim mentakrifkan undang-undang yang terlalu luas dan hak mentakrifkan pembatasan itu yang dipersoalkan dan perlu diiktirafkan sernula oleh kuasa Perlembagaan. Kerajaan memang bersetuju dengan pandangan ini.

Yang Berhormat Senator Chan Choong Tak inginkan penjelasan apakah kesannya kalau perkataan "judicial powers" dimansuhkan dan bagaimana kedudukan mentakrif undang-undang. Perlu ditegaskan di sini, Kerajaan tidak bercadang memindahkan kuasa Kehakiman kepada pihak lain. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tujuan pindaan ini ialah untuk membolehkan supaya sesetengah negara yang dianggap terletak dalam bidangkuasa Eksekutif atau Perundangan tidak dipertikaikan di mahkamah.

Mengenai Perkara 83 hingga 86 iaitu mengenai tanah pula, Yang Berhormat Senator Tuan Douglas Sullang meminta penjelasan mengapa tanah rizab boleh dipajakkan kepada orang lain di bawah Perkara baru 85(4). Kenyataannya ialah tanah yang dirizabkan untuk sesuatu maksud Persekutuan **itu**, mungkin dapat digunakan dengan lebih mencapai maksud Persekutuan itu atau maksud-maksud yang bersampingan dengannya jika kegunaan tanah itu dibenarkan kepada orang lain selain daripada Kerajaan Persekutuan sendiri. Pencapaian maksud Kerajaan Persekutuan untuk mana-mana tanah Itu dirizabkan tidaklah semestinya perlu dilakukan oleh pihak Kerajaan Persekutuan sendiri, tetapi boleh juga dilakukan melalui pihak lain. Kadangkala tanah yang dirizabkan untuk sesuatu maksud Persekutuan itu mungkin tidak dapat digunakan serta-merta oleh Kerajaan Persekutuan untuk maksud Persekutuan **itu**. Untuk mengelakkan tanah Itu daripada terbiar sahaja, tanah itu sepatutnya boleh dibenarkan untuk digunakan bagi maksud-maksud lain dengan cara memajakkannya kepada orang lain. Tanah itu, walau bagaimanapun, akan tetap menjadi tanah rizab dan kebenaran untuk menggunakan bagi maksud lain itu adalah untuk tempoh tertentu sahaja dan adalah dikawal oleh syarat-syarat yang akan dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan oleh Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King dan juga Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak sama ada Kerajaan Negeri terutama sekali negeri Sarawak dan negeri Sabah telah bersetuju dengan pindaan-pindaan kepada Perkara 83, 86 dan juga Perkara 121, perlu dijelaskan di sini bahawa tidak ada syarat dalam Perlembagaan yang memerlukan persetujuan negeri-negeri bagi pindaan-pindaan kepada Perkara 83 dan 86. Ahli Yang Berhormat itu mengaitkan pertanyaannya kepada Perkara 161E (2)(c) tetapi Perkara tersebut memerlukan persetujuan negeri Sabah dan Sarawak hanya jika pindaan itu menyentuh bidangkuasa Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang menurut Senarai Perundangan dalam Jadual Kesembilan, Pindaan kepada Perkara 83 hingga 86 tidak menjejaskan kuasa Kerajaan Negeri untuk membuat undang-undang mengenai hal ehwal tanah.

Mengenai Perkara 121, adalah dimaklumkan bahawa kedua-dua negeri Sarawak dan Sabah telahpun memberikan persetujuan mereka mengenai cadangan meminda Perkara 121. Oleh yang demikian, kita berharap supaya penjelasan ini adalah memuaskan dan saya juga berharap supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai persetujuan negeri-negeri terutama sekali Sarawak dan Sabah mengenai pindaan Perlembagaan ini telahpun dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin merakamkan sanjungan tinggi saya dan Kerajaan atas kesungguhan dan minat Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan ini. Semua perkara yang dibangkitkan sama ada teguran, pandangan, syor-syor amatlah bernilai bagi Kerajaan. Saya juga memohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian tetapi tidak disebut dalam ucapan saya tadi, bahawa seperti saya sebut awal-awal ucapan, pandangan dan hujah yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu kebanyakannya memperakukan sokongan kepada daya usaha Kerajaan ini supaya lebih bersemangat mentadbirkan negara dengan lebih bersih, cekap dan amanah. Walau bagaimanapun, semua cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang telah diutarakan itu telahpun dicatatkan dan diambil perhatian oleh Kerajaan. Cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang diutamakan itu, terutama sekali kepada saudara Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom, Puan Ainon Ariffin dan beberapa Ahli yang lain telahpun dicatatkan dan kita akan mengambil ingatan atas semua teguran-teguran dan juga cadangan-cadangan yang telah diberikan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang kedua dan ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang

daripada 2/3 dari jumlah bilangan Ahli-ahli Majlis Dewan ini. Oleh kerana itu Majlis Dewan ini akan mengadakan belahbahagian sekarang. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

Loceng dibunyikan.

Tuan Tang di-Pertua: Yang Berhormat Penghitung Undi, sila ambil tempat Yang Berhormat masing-masing.

Dewan berbelahbahagi.

Tuan Yang di—Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak mengumumkan keputusan pengundian: Yang Bersetuju, 58 orang. Ini bermakna lebih daripada 2/3 [Tepuk].

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

YANG BERSETUJU:

YANG TIDAK BERSETUJU:

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa,

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan telah dibentangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan tanpa pindaan,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang,

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Majlis mesyuarat akan mengadakan berbelahbahagian sekali lagi.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

Loceng dibunyikan,

Dewan berbelahbahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat.

Undian dijalankan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak mengumumkan keputusan pengundian tadi: Yang Bersetuju, 58 **[Tepuk]**; Yang Tidak Bersetuju, Tiada **[Tepuk]**. lebih suara yang bersetuju. Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang **[Tepuk]**.

YANG BERSETUJU:

YANG TIDAK BERSETUJU:

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1987)

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat diacukan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang." (14 April, 1988)
Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat:, perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan Ini yang telah ditangguhkan dahulu sekarang sambung semula. Dijemput Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng menyambung ucapannya.

4.31 ptg.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan lagi untuk saya meneruskan ucapan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1987.

Saya sudah membuat perhatian bahawa peruntukan tambahan yang akan diberikan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan itu sangat kurang. Oleh kerana Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan itu adalah bertugas untuk raenjaga kerja seperti perjawatan, perlantikan, pengesahan jawatan, kenaikan pangkat dan lain-lain perkara seperti pensyarah-pensyarah dan sebagainya. Saya ingin bertanya adakah benar atau tidak kerana kekurangan peruntukan itu maka ada berbagai-bagai masalah yang timbul dalam bahagian penggajian, memberi gaji, kenaikan pangkat dan sebagainya yang berlaku di golongan guru-guru, pensyarah-pensyarah dan sebagainya. Walaupun guru-guru yang terlatih daripada Maktab-maktab Perguruan itu sudah mempunyai kelayakan akademik yang diiktirafkan dan juga kelayakan iktisas apabila mereka lulus peperiksaan mereka.

Apabila mereka masuk ke dalam perkhidmatan pendidikan, mereka masih perlu ditemuduga dan diletakkan ke dalam perkhidmatan

sementara, selepas itu perkhidmatan Kategori C2, C1 atau D2 dan D1 masing-masing. Penangguhan masa timbul apabila mereka menunggu giliran mereka untuk mendapat peluang temuduga oleh SPP atau Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan itu. Penangguhan itu kadangkala boleh mengambil masa lebih kurang satu tahun. Ini tidak begitu merauaskan kepada pihak golongan guru kerana ada orang mengatakan selalunya tarikh permitaan masuk tanggagaji kategori tertentu itu adalah berkaitan dengan tarikh temuduga dan kalau guru-guru itu ditemuduga pada satu tarikh yang lewat, maka gaji permulaan di bawah skim perkhidmatan tetap itu akan dimulakan pada satu tarikh yang merugikan golongan guru itu.

Masalah ini adalah serius juga untuk guru-guru yang sedang berkhidmat dan guru-guru itu sudahpun disahkan dalam jawatan mereka masing-masing sama ada dalam kategori C1 atau C2. Selepas mereka diberi kebenaran untuk mengikuti kursus-kursus, seperti kursus luar kampus USM ataupun kursus Universiti London, selepas mereka mendapat ijazah pula, mereka perlu menunggu iklan pengambilan Pegawai Perkhidmatan Kategori D1 atau D2 dalam suratkhobar. Kalau iklan itu tidak keluar, mereka tidak boleh memohon kenaikan pangkat sampai kategori D1 atau D2 masing-masing. Dengan penangguhan masa itu lagi, mereka kena tunggu. Prinsip yang kita mesti pegang adalah begini. Kalau golongan guru itu sudahpun diletak dalam jawatan yang disahkan, apabila mereka mendapati satu kelayakan akademik yang lebih tinggi lagi, mereka itu masih guru yang telah disahkan dalam jawatan. Jadi sebarang kenaikan pangkat itu saya harap boleh dijalankan secara automatik, bila keputusan peperiksaan ataupun ijazah itu didapati ataupun diberitahu kepada pihak SPP itu.

Saya tidak berharap SPP itu raenjadi satu badan penghalang kenaikan pangkat guru-guru ini kerana tugas SPP itu adalah semata-mata untuk melicinkan kerja pengurusan, pentadbiran dan sebagainya dalam perkhidmatan pendidikan.

Saya rasa ada satu bahagian yang sudah diketepikan oleh SPP itu iaitu golongan pensyarah-pensyarah daripada Maktab-maktab Perguruan. Golongan itu adalah dipanggil sebagai Pensyarah-pensyarah tetapi dalam skim tanggagaji dan sebagainya mereka semata-mata dipanggil Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran ataupun Pendidikan, sama juga dengan guru-guru yang bertugas dalam sekolah-sekolah menengah. Golongan Pensyarah itu ada yang mempunyai kelayakan STPM, SPM ataupun ijazah lanjutan dan sebagainya dan mereka itu semua sudahpun mempunyai pengalaman pengajaran lebih daripada 5 tahun sebelum mereka dilantik menjadi Pensyarah Maktab Perguruan. Tetapi malangnya tanggagaji mereka itu adalah sama dengan guru sekolah menengah. Mereka itu mengalami satu anomali gaji bila dibandingkan dengan Pensyarah-pensyarah ITM atau Pensyarah-pensyarah Universiti.

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Pensyarah-pensyarah.ITM Itu boleh bermula dengan kelayakan Sarjana Muda Sains atau Sastera tanpa diploma pendidikan dan tanpa pengalaman mengajar di sekolah. Mereka akan bertugas dalam ITM selama 5 tahun, selepas itu tanggagaji mereka akan dinaikkan ke tanggagaji yang kanan - Kategori D1, Tingkatan Kanan. Manakala rakan-rakan pensyarah di Maktab Perguruan itu sudahpun mempunyai 5 tahun pengajaran di sekolah sebelum mereka masuk ke maktab. Selepas masuk ke maktab, mereka terus mengikuti tanggagaji Tingkatan Biasa, kategori D1, sampai ke maksimum tanggagaji tersebut, tetapi tidak ada mempunyai peluang untuk kenaikan pangkat kepada Tingkatan Kanan

kecuali mendapati tempat-tempat kenaikan pangkat seperti menjadi Ketua Unit, Ketua Jabatan atau Naib Ketua sahaja. Pada hal tempat-tempat kenaikan pangkat ke Jawatan Peatadbiran itu adalah kekurangan sangat di antara maktab-maktab **itu**, maka kita dapati bahawa ada banyak pensyarah Maktab Perguruan yang sudahpun sampai ke maksimum tanggungaji mereka dalam Tingkatan Biasa, kategori DI dan sedang menunggu untuk masa bersara sahaja dengan tidak ada harapan lagi akan kenaikan pangkat sekalipun.

Kalu kita mengikut apa yang dikatakan oleh Menteri Pendidikan, Menteri Pendidikan itu menggalakan pensyarah-pensyarah Maktab Perguruan untuk membuat penyelidikan akademik untuk memajukan pengetahuan mereka dan juga memajukan pengetahuan iktisas mereka, tetapi tidak diberikan sebarang ketegasan atau galakan ke atas kerja penyelidikan mereka ataupun kerja kemajuan iktisas mereka. Berbanding dengan golongan pensyarah **ini**, kita dapati bahawa pensyarah-pensyarah universiti bila mereka masuk ke dalam universiti, selepas 5 tahun sahaja mereka akan naik terus ke dalam Tingkatan Kanan, kategori DI dan seterusnya naik sehingga Superscale "G". Kita dapati bahawa golongan pensyarah-pensyarah Maktab Perguruan itu adalah satu golongan yang bukan dianggap sebagai pensyarah sebenar-benarnya, kalau mengikut takrif pensyarah dan mengikut tanggungaji mereka. Mereka itu bukan guru-guru biasa dalam sekolah menengah dan kerana itu mereka dipanggil pensyarah pula.

Baru-baru ini sangat menggalakkan bila kita dengar Maktab Perguruan Sultan Idris itu sudah dipilih untuk dinaikkan taraf ke taraf universiti, oleh kerana maktab itu adalah sebuah Maktab Perguruan yang sangat lama sejarahnya dan telah menghasilkan banyak tokoh-tokoh dalam negara ini. Syabas kepada Maktab Perguruan Sultan

Idris, tetapi apakah yang akan terjadi kepada sistem tanggagaji pensyarat- pensyarah bagi maktab ini dibanding dengan pensyarah- pensyarah maktab yang lain dalam negara kita ini?

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mempunyai lebih kurang 28 buah Maktab Perguruan di dalam negara ini dan kalau pihak SPP dapat mempertimbangkan nasib atau tanggagaji semua pensyarah- pensyarah daripada semua maktab itu, tentulah SPP akan mendapati bahawa dengan menaikkan sebuah sahaja Maktab Perguruan kepada taraf universiti tentu akan muncullah satu anomali tanggagaji di antara Maktab ini dan maktab-maktab yang lain.

Saya ingin menarik perhatian SPP kepada anomali yang mungkin akan muncul bila kenaikan taraf itu dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa peruntukan tambahan bagi Jabatan Perkhidmatan Awam berjumlah \$31 juta lebih kurangnya, akan diberikan kepada JPA dan amaun itu termasuk satu amaun untuk menajakan biasiswa kepada pelajar-pelajar kita ke seberang laut atau di dalam negeri ini. Memandangkan kos hidup dan yuran pendidikan sudah dinaikkan di kebanyakan negara-negara asing, saya rasa ada keperluannya supaya JPA ini meninjau semula atau menyemak semula tindakan Kementerian Pendidikan ini yang menghantarkan banyak pelajar-pelajar biasiswanya ke seberang laut untuk mengikutikursus-kurus yang sudahpun tersedia di pusat-pusat pengajian tinggi negara kita.

Mengapa kita membazirkan duit yang banyak semata-mata untuk menghantarkan pelajar-pelajar ke sana untuk mempelajari sesuatu kursus yang sudahpun dapat ditawarkan oleh universiti tempatan. Mengapa kita tidak jimat wang ringgit yang banyak itu untuk menghantar pelajar-pelajar tersebut ke universiti tempatan dan ke pusat-pusat pengajian tinggi tempatan dan pada masa yang sama gunakan wang ringgit itu untuk memperkembangkan lagi fakulti-fakulti universiti tempatan dan juga kita boleh menambahkan bilangan cawangan kampus-kampus universiti tempatan di tiap-tiap buah negeri dalam negara kita ini.

Saya rasa pada jangka panjang wang ringgit yang kita belanjakan di arah perkembangan fakulti universiti tempatan itu adalah sangat-sangat menguntungkan bila dibandingkan dengan tindakan yang diamalkan sekarang iaitu mencurahkan wang ringgit kita ke seberang

laut untuk membantu universiti-universiti sebarang laut itu menjadi universiti yang lebih sempurna lagi. Tetapi apa yang kita tidak sedar universiti tempatan kita di sini sudah terhad oleh kerana tidak boleh dapat peruntukan yang lebih untuk dikembangkan.

Saya ingin menyeru kepada JPA supaya bila kita bantar pelajar-pelajar ke seberang laut kita mesti memastikan betul-betul bahawa kursus itu tidak boleh ditawarkan di universiti-universiti tempatan dan juga kita mesti memberi keutamaan untuk menghantarkan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus ijazah lanjutan sahaja ke universiti sebarang laut.

Saya tidak beraetuju dengan tindakan Kementerian Pendidikan yang menghantarkan satu bilangan besar pelajar-pelajar yang mengikuti kursus pelajaran tingkatan A level kerana A level memang dapat ditawarkan di pusat pengajian tinggi di Malaysia ini,

Dari segi perjawatan saya rasa kalau kita hadkan pelajar-pelajar biasiswa yang mengikuti kursus-kursus A level, kursus-kursus sains, sastera dan kursus-kursus biasa dalam universiti-universiti tempatan sahaja kita boleh berikan lebih banyak jawatan kepada pensyarah-pensyarah yang boleh datangnya daripada siswazah-siswazah Yang lulus daripada universiti tempatan.

Jadi, dari segi perjawatan kita boleh tolong belia kita yang sedang mencari-carikan kerja.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Kementerian Pertanian yang akan menerima peruntukan tambahan di bawah Rang Undang-undang ini, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat tentang beberapa perkara yang didapati berlaku dalam Kementerian Pertanian

ini. Soal pencurian subsidi Lembaga Padi dan Beras Negara sudah dilaporkan di dalam akhbar dan tidak perlu bagi saya menghuraikan perkara itu lagi. Tetapi apa yang saya ingin tegaskan adalah amat penting bagi Kementerian Pertanian ini untuk menyelia aktiviti-aktiviti Lembaga Padi dan Beras Negara, petani-petani, pemborong-pemborong beras dan sesiapa sahaja yang terlibat dalam proses pemasaran beras itu dengan teliti supaya memastikan tindakan penipuan itu tidak berlaku lagi demi kerugian negara tetapi hanya untuk keuntungan peribadi orang-orang yang terlibat.

Berkaitan dengan perkembangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) baru-baru ini saya pun telah memerhati sedikit masalah yang timbul berkaitan dengan adanya Pasar Jual Borong Ikan yang didirikan oleh LKIM di beberapa tempat. Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada satu contoh iaitu Pasar Jual Borong Ikan yang didirikan di Kuala Muda Seberang Prai. Sebelum adanya Pasar Jual Borong *itu*, nelayan-nelayan di tempat itu membuat perniagaan mereka di pantai Kuala Muda dengan secara bisik-bisik, apa yang dikatakan cara obsolete, dengan izin, oleh pihak yang berkenaan. Selepas adanya Pasar Jual Borong semua nelayan di tempat itu dipaksa oleh pihak LKIM untuk menjual hasil penangkapan mereka kepada pihak LKIM dan kemudian pemborong-pemborong ikan hanya boleh membeli ikan daripada pusat itu dengan bayaran cukai jualan sebanyak 5% pada hal di Kuala Muda ini ada lebih kurang 200 buah bot nelayan yang balik ke Kuala Muda lebih kurang pukul 9 pagi. Pegawai-pegawai LKIM itu mesti membeli ikan daripada tiap-tiap sebuah bot dengan mengikut

giliran tertentu. Proses pembelian itu sudahpun mengambil masa lebih kurang beberapa jam. Selepas semua ikan dibeli hari sudah sampai pukul 1 atau 2 petang dan pemborong-pemborong itu mesti membeli ikan daripada Pasar Jual Borong Ikan itu mengikut giliran mereka masing-masing. Oleh kerana penangguhan masa itu kita dapati bahawa ikan yang ditangkap segar-segar itu sudahpun menjadi tidak segar dan harga penjualan ikan itu bila sampai ke pasar-pasar tempat lain pada pukul 2-3 petang pun tidak begitu memuaskan.

Oleh kerana itu nelayan, pemborong ikan dan pihak LKIM semua mendapati bahawa proses jual beli itu sudahpun mendatangkan kerugian kepada semua pihak, tetapi yang rasanya serius sekali ialah nelayan-nelayan dan juga pemborong-pemborong yang mesti mencari rezeki hidup mereka dengan jual beli ikan itu.

Ketidak puasan nelayan-nelayan sudah memaksa nelayan-nelayan itu membawa hasil tangkapan mereka ke pantai sebetah Kedah untuk menjual ikan-ikan itu melalui cara yang biasa iaitu melalui cara lelong terbuka dan sebagainya kepada pemborong-pemborong yang juga ikut ke sebelah pantai Kedah.

Dengan demikian kita dapati bahawa kos pembelian ikan dan kos pengangkutan ikan sudahpun bertambah. Semua itu membawa kerugian akhirnya kepada pengguna-pengguna yang mesti membayar harga yang lebih tinggi kepada ikan yang dibelikan oleh mereka. Oleh kerana nelayan-nelayan dan pemborong-pemborong ikan itu tidak menggunakan kemudahan pasar jual borong ikan LKIM maka pihak LKIM itu dalam usahanya untuk mengawalkan pemasaran ikan sudah mula mendakwa pemborong-pemborong yang membawa ikan mereka dengan lori-lori ke pasar-pasar tempat yang lain. Di dalam perjalanan mereka, mereka sudah ditangkap oleh pegawai LKIM dan didakwa di bawah seksyen 17(1) Akta LKIM 197, Pindaan 1973.

Mengikut peraturan 14(1) Peraturan Pemasaran Ikan 1973 di dalam mana kawasan-kawasan pemasaran ikan mengikut Warta Kerajaan P.U.(B) 52 jika ikan yang dibawa itu bukan dibawa daripada pasar jual borong ikan LKIM atau bukan sedang dibawa ke pasar jual borong ikan LKIM maka pembawa ikan itu boleh dihukum di bawah seksyen 18(1) Akta LKIM 197, Pindaan 1973. Oleh yang demikian, sudah ada satu bilangan besar pemborong ikan yang kena dakwa secara demikian. Mereka ini telah mengadu bahawa tidak membeli ikan daripada pantai sebelah Kedah, Kuala Muda mereka tidak boleh mencari rezeki. Kalau mereka beli ikan dan mereka akan didakwa oleh polis, mereka itu adalah dalam satu dilema yang serius.

Kalau pihak Kementerian Pertanian itu mendapat peruntukan tambahan, adakah peruntukan tambahan itu digunakan untuk menghalang orang ramai untuk mencari rezeki ataupun untuk menolong mereka mencari rezeki. Ini adalah soal utama. Adakah pihak LKIM itu mempertimbangkan akan menghentikan operasi menangkap, mengakwa atau-

pun menghalang itu kalau mereka dapat bahawa sistem jual-beli ikan di pasar jual borong ikan LKIM itu tidak memuaskan, Kalau pihak LKIM tidak mencari penyelesaian kepada masalah ini dan memperbaiki sistem jual-beli ikan yang diamalkan itu, saya harap pihak LKIM itu tidak akan menangkap pemborong-pemborong yang berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada Kementerian Pertanian itu supaya menyemak semula adanya pusat yang dipanggil pasar jual borong ikan LKIM supaya menentukan cara jual-beli itu boleh mendatangkan faedah kepada nelayan, pemborong dan yang penting sekali tidak menyebabkan kes di mana LKIM itu melaporkan kerugian kerana sebarang kerugian itu akan ditanggung oleh rakyat semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup gembira bila melihat ada peruntukan tambahan untuk pihak Polis Di Raja Malaysia tahun 1987. Tanggungjawab pihak Polis Di Raja itu adalah untuk menjaga keselamatan masyarakat dan kita semua harap dengan peruntukan tambahan itu ada alat-alat tambahan, kenderaan tambahan sebagai unit-unit peronda boleh dibeli oleh pihak Polis Di Raja, kakitangan baru boleh dilantik dan dilatih dalam semua bahagian kerja Polis supaya mempertingkatkan lagi kecekapan, kemahiran Polis dalam usaha mencegah jenayah dan sebagainya.

Saya ingin menarik perhatian supaya pihak Polis menumpukan perhatian kepada bahagian pencegahan penyeludupan dadah, aktiviti-aktiviti jenayah perjudian dan sebagainya oleh kerana semua itu adalah membawa kerugian kepada semua masyarakat.

Dalam bahagian Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang sudahpun menerima ataupun akan menerima satu peruntukan tambahan di bawah Rang Undang-undang ini kita selalu ingin tegaskan

bahawa struktur semula masyarakat kita dalam Dasar Ekonomi Baru mesti mementingkan pembangunan kawasan luar bandar dan apa pembangunan yang kita maksudkan selain daripada mengadakan infrastruktur seperti jalan raya, longkang, perkhidmatan elektrik, air paip, telefon, balairaya, sekolah-sekolah dan sebagainya yang sangat-sangat diperlukan di kawasan luar bandar. Dengan adanya infrastruktur seperti yang saya sebutkan tadi kita boleh meningkatkan **lagi** dan menaikkan mutu kehidupan orang kampung atau kampung baru dan mana-mana kawasan pendalaman. Tetapi dalam bahagian **ini**, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap beberapa masalah.

Masalah yang pertama adalah masa yang panjang sesuatu kawasan itu mesti menunggu sampai projek pembinaan itu diluluskan oleh Kementerian tersebut. Kadang-kadang masa yang diambil itu lebih daripada satu tahun, kadang-kadang tahun pertama itu siasatan, tahun kedua kelulusan, tahun ketiga baru pelaksanaan. Jadi masa yang di buang itu adalah masa yang penting. Kita ingin melihat perkembangan yang lebih hebat di bahagian luar bandar.

Masalah yang kedua kadang-kadang oleh kerana kekurangan kewangan pada hujung tahun, projek-projek yang telah diluluskan yang sudah diumumkan kepada orang ramai sudahpun ditarik balik oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dengan malangnya menimbulkan ketidakpuasan antara orang ramai di kampung itu. Dan ketidakpuasan itu biasanya diarahkan kepada wakil-wakil negara, Wakil-wakil Rakyat di sana yang menjalankan kerja seperti middle raan, dengan **izin**, untuk menyalurkan permintaan orang kampung kepada Kerajaan kita dan pada masa yang sama melaporkan kemajuan itu balik kepada orang-orang kampung. Jadi, peranan Wakil-wakil Rakyat itu

sudah dipersusahkan dengan tindakan seperti apa yang saya katakan tadi tarik balik projek-projek pembangunan yang sudah diluluskan oleh kerana kekurangan kewangan pada hujung tahun. Kadang-kadang tarik balik itu adalah kerana kerana proses pentadbiran yang terlalu lambat yang dijalankan di Pejabat-pejabat Daerah dan seagainya kerana masa yang terlalu panjang digunakan untuk memanggil tender, meluluskan tender, memanggil kontraktor dan sebagainya. Kerja-kerja pentadbiran yang dijalankan dengan terlampau lewat itu sudah pun menyebabkan beberapa projek pemangunan ditarik balik.

Jadi apa yang saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat adalah kita semua berharap dengan bersungguh-sungguhnya bahawa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar bandar akan menjalankan projek-projek pembangunan sebaik-baik sahaja ia diluluskan tanpa menanggungkan masa supaya kita boleh dapat keyakinan orang ramai di kawasan luar bandar bahawa Kerajaan kita bersungguh-sungguh ingin mengatur semula struktur masyarakat kita dari segi bandar dan luar bandar

Jadi, apa yang saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat adalah kita semua berharap dengan bersungguh-sungguhnya bahawa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan menjalankan projek-projek pembangunan sebaik-baik sahaja ia diluluskan tanpa menanggung masa supaya kita boleh dapat keyakinan orang ramai di kawasan luar bandar bahawa Kerajaan kita bersungguh-sungguh ingin mengatur semula struktur masyarakat kita dari segi bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada peruntukan tambahan yang akan diberikan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat, saya ingin menegaskan bahawa walaupun Kementerian tersebut sudah menambahkan bilangan kali cabutan Ioteri Kementerian tersebut, nampaknya derma yang didapati itu adalah bertamhah, tetapi mengapa kita baru-baru ini masih tidak melihat tambahan-tambahan bantuan kewangan yang diberikan kepada individu dan keluarga-keluarga yang memerlukan. Kita masih tidak melihat tambahan bilangan Taman Sinar Harapan yang ada untuk kanak-kanak terencat akal di negara ini. Saya sudahpun diberi tahu oleh pihak Kementerian tersebut di dalam jawapan bertulis bahawa hanya ada 5 atau 6 buah Taman Sinar Harapan bagi kanak-kanak terencat akal dalam negara kira **ini**. Mengapa kita tidak boleh menambahkan bilangannya supaya di dalam setiap negeri kita boleh dapat sebuah Taman begitu, kerana ibu-bapa mereka tidak mahu ataupun tidak sudi menghantarkan budak-budak mereka ke satu tempat yang jauh daripada rumahnya dan susah untuk melawat budak-budak di dalam Taman Sinar Harapan **itu**. Jikalau kita boleh adakan kemudahan seperti itu di setiap negeri ada sebuah, mungkin semua ibu bapa yang mempunyai anak-anak terencat akal itu boleh menghantarkan anak-anak mereka untuk diberi latihan dan pendidikan oleh tenaga pengajar yang lebih berkelayakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita dapati bahawa bangunan-bangunan yang tinggi bertingkat-tingkat sudahpun bertambah di dalam negeri ini. Kita memerlukan lebih banyak kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bomba dan kita perlu lebih banyak alat memadam kebakaran yang moden. Oleh kerana itu merujuk kepada peruntukan tambahan yang akan diberikan kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba, saya berharap pihak Jabatan Perkhidmatan Bomba dapat memperbaiki lagi perkhidmatannya dari segi kakitangan, alat dan sebagainya. Di sini saya ingin menyeru kepada pihak yang berkenaan supaya bersungguh-sungguh memperkembangkan pasukan perkhidmatan bomba sukarela untuk tiap-tiap satu tempat, terutama sekali di tempat-tempat di mana ketumpatan rumah-rumah adalah tinggi seperti kawasan rumah-rumah haram yang kebanyakannya dibuat daripada kayu, papan dan sebagainya, di mana risiko kebakaran itu adalah tinggi. Selain daripada itu, saya harap Jabatan Perkhidmatan Bomba itu boleh cuba menyebarkan kesedaran sivik tentang keselamatan dari segi penggunaan api, alat elektrik dan sebagainya untuk orang ramai dan untuk menyerahkan pengetahuan kesedaran itu barangkali pasukan Perkhidmatan Bomba Sukarela itu boleh digunakan sebagai satu perantara. Dengan itu saya harap Jabatan Perkhidmatan Bomba yang akan mendapat satu peruntukan tambahan di bawah Rang Undang-undang ini dapat memperbaiki perkhidmatannya untuk keselamatan orang ramai.

Akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan saya ingin menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987) dengan sepenuhnya. Terima kasih.

Tuan Yang di—Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby.

5.05 ptg.

Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta Perbekalan Tambahan (1987) 1988. Pendeknya, Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat yang berbahas tadi. Tetapi saya hanya ingin menyentuh satu perkara sahaja B.59, iaitu Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana usaha besar-besaran yang kini dibuat untuk menarik pelancong datang ke negara ini, maka kegiatan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan amnya dan Perbadanan Kemajuan Pelancongan, iaitu TDC, khususnya, akan sentiasa diikuti dan diperhalusi. Sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk memperkenalkan Malaysia kepada orang luar, peranan dan aktiviti TDC sudah pasti dipertingkatkan dari masa ke semasa. Apakah pejabat-pejabat luar negeri TDC memainkan peranan yang sewajarnya dalam menjual Malaysia kepada pelanggannya. Apakah Pegawai Perbadanan itu yang dihantar khusus untuk menyertai pesta-pesta pelancongan di luar negeri telah melaksanakan amanah yang dibebankan ke atas mereka secara sungguh-sungguh atau sambil lewa?

Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan ini timbul memandangkan sejak waktu akhir-akhir ini terdapat aduan-aduan dari rakyat kita sendiri dan juga dari penuntut Malaysia yang berada di luar negeri yang memberi gambaran seolah-olah pegawai-pegawai TDC iaitu Perbadanan Pembangunan Pelancongan telah tidak menguruskan gerai-gerai yang ia sertai di pesta-pesta pelancongan dengan sepenuhnya,

iaitu pada awal atau pertengahan bulan Februari, seorang pelajar kita di Los Angeles dalam sepucuk surat kepada ruangan Forum di suratkhobar Utusan Melayu/Utusan Malaysia, telah mengadu betapa ada pelancong Amerika yang mengunjungi gerai Malaysia di sebuah pesta di bandaraya itu gagal mendapat sebarang maklumat mengenai negara ini, kerana tiada siapa berada di gerai tersebut tatkala itu.

Kemudian kita terima pula aduan dari rakyat Malaysia kita juga yang juga di dalam suratkhobar yang sama mengenai kejadian yang serupa. Kali ini di Bank Holiday Fair di Belanda iaitu di satu Pesta di mana rakyat itu mengadu bahawa sebilangan pelancong Belanda yang mengunjungi gerai Malaysia di Pesta itu pada akhir tahun 1987 telah tidak mendapat sebarang layanan. Tarikh yang saya masih ingat iaitu barangkali dalam suratkhobar itu 20hb Disember, iaitu pada ketika itu katanya tidak ada siapa pegawai di gerai itu untuk memberi sebarang layanan ataupun maklumat kepada dan orang-orang yang datang ke gerai itu untuk mendapatkan maklumat.

Setiap kali aduan-aduan serupa ini disiarkan, pihak TDC biasanya memberi jaminan untuk menyasat apa yang sebenarnya terjadi. Tetapi selepas pengumuman bahawa siasatan akan dibuat, berbulan-bulan atau berminggu-minggu selepas itu tidak ada apa yang kita dengar mengenai hasil siasatannya.

Saya timbulkan pertanyaan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, apakah benar atau tidak kecuaiian sehingga gerai-gerai kita di pesta-pesta untuk memperkenalkan Malaysia kepada rakyat luar tidak diuruskan dengan sempurna atau apakah segala aduan yang dilemparkan itu tidak berasas dan benar? Kalau tidak berasas, masakan sipengadu sanggup menulis surat kepada akhbar-akhbar kita di **sini**, di Malaysia, untuk memperihalkan perkara supaya diambil tindakan oleh pihak-pihak tertentu di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin membuat kesimpulan yang bukan-bukan. Saya juga tidak mahu menuduh bahawa pegawai-pegawai TDC telah mengabaikan tugas dan kewajipan mereka itu. Tetapi tentulah sayang andainya imej baik mereka itu dicemar oleh aduan-aduan yang tidak menyenangkan itu. Sekiranya TDC tidak menjelaskan apa yang sebenarnya terjadi, maka imej pegawai-pegawai yang baik itu akhirnya akan terconteng juga. Untuk mengelakkan keadaan serupa itu terjadi, ada baiknya TDC becsikap positif dengan mengumumkan setiap hasil siasatan yang dibuat berdasarkan aduan-aduan yang diterima. TDC tidak boleh berdiam **diri** dan membisu seribu bahasa atau memandang ringan sebarang aduan yang boleh memburukkan kewibawaannya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong Akta Perbekalan Tambahan (1987) 1988 itu, saya berharap peruntukan kepada Maksud B.59 sebanyak \$28,559,900 itu kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dibelanjakan dengan bijak tanpa membazir agar hasil

pulangan yang akan diperolehi nanti adalah baik dan nama baik Malaysia dan imej Malaysia dan TDC juga dipelihara serta dipandang tinggi. Sekian, terima kasih.

5.12 ptg.

Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Maksud B. 57 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya suka menyentuh sedikit mengenai projek-projek baru di bawah Program Peniaga-peniaga Kecil atau lebih khusus lagi kepada Industri-industri Kecil.

Sebagaimana yang telah kita sedia maklum adalah kena pada tempat dan masanya pihak Kerajaan mengambil berat mengenai perkembangan dan kemajuan ataupun kegiatan-kegiatan pengusaha-pengusaha atau peniaga-peniaga kecil di seluruh negara. Ini adalah penting kerana kebanyakan daripada pengusaha-pengusaha yang tersebut itu adalah terdiri daripada masyarakat bawahan yang sangat-sangat memerlukan perhatian dan sokongan. Selama ini pihak Kerajaan hanya selalu menitikberatkan masalah-masalah pelaburan yang besar-besar dan mengurangkan perhatian kepada pengusaha atau peniaga-peniaga kecil. Perhatian dan sokongan yang lebih serius harus diberikan kepada perkembangan dan kemajuan sektor pengusaha kecil atau industri kecil bagi memperkembangkan lagi kemajuan ekonomi negara, tambahan pula negara kita menghadapi masalah keadaan kelembapan ekonomi dan juga masalah pengangguran yang berat.

Sehubungan dengan ini, saya suka menyarankan supaya peruntukan yang lebih, perhatian yang lebih dapat diberikan kepada maksud-maksud membiayai projek-projek baru di bawah Program-program Peniaga Kecil ataupun Industri Kecil di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Satu lagi perhatian yang harus diberikan kepada perkembangan dan kemajuan industri di bawah Kementerian Perabangunan Negara dan Luar Bandar ialah Industri Kraftangan. Kita semua sedar Kerajaan telahpun memberikan galakan dan sokongan kepada pertumbuhan dan perkembangan industri ini. Tetapi kemajuan dan penghasilannya masih berada di tahap yang tidak boleh kita banggakan dan terkadang-kadang tidak pula memuaskan. Ada kalanya hasil barangannya baik tetapi pasarannya kurang memuaskan dan ada kalanya pula pasarannya baik tetapi penghasilannya kurang memuaskan. Maka inilah di antara sebab-sebab yang terkadang-kadang menyebabkan industri ini berada di tahap yang lembab - lembab dari segi pasaran dan kurang kualiti dari segi pembuatan.

Maka, sehubungan dengan ini sesuatu tindakan bagi memperbaiki keadaan ini harus dibuat. Pihak Kementerian sudah seharusnya membuat tindakan-tindakan susulan bagi memastikan supaya semua industri-industri kecil di bawah Kementerian yang mendapat bantuan daripada Kerajaan akan mendapat kejayaan dan seterusnya pegawai-pegawai yang bertanggungjawab yang ditugaskan untuk memastikan bahawa industri-industri kecil ini berjaya, hendaklah membuat 'follow-up', dengan izin, supaya matlamat dan hasrat yang dicitakan oleh pihak Kementerian akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai Maksud B.19 Kementerian Pertanian, ada dua perkara yang ingin saya sentuh di sini. Pertama, mengenai peruntukan Tabung Taman Laut dan Rizab Laut. Apa yang telah difahamkan bahawa sebanyak \$10 juta telah diluluskan untuk peruntukan permulaan bagi maksud Tabung ini. Pada pandangan saya, peruntukan yang lebih besar harus diberikan untuk Tabung ini kalau hendak dibandingkan dengan jumlah ketika ini negara kita mengimport ikan daripada luar. Mungkin dengan pertambahan peruntukan **ini**, jumlah tangkapan ikan di dalam negeri akan bertambah dan dengan secara tidak langsung akan meninggikan pendapatan nelayan dan taraf hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jumlah peruntukan ini besar serta matlamatnya tinggi, maka saya pohon kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya dapat memberitahu Dewan yang mulia ini mengenai perkembangan dan kemajuan Tabung Rizab Laut yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh di dalam Kementerian Pertanian ialah mengenai LPN. Kita semua sedar bahawa melalui LPN pihak Kerajaan masih mengimport beras dari negara luar terutamanya daripada Thailand. Tindakan pihak Kerajaan ini adalah sangat baik bagi mengimbangi permintaan beras di negara kita tetapi satu masalah yang timbul iaitu sejauh manakah pihak Kerajaan dapat mengawal mutu beras yang diimport itu, sama ada ianya melebihi daripada mutu beras tempatan ataupun kurang, Ini adalah penting kepada kita semua demi menjaga harga pasaran beras tempatan supaya ianya tidak berada di satu paras yang tinggi ataupun yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bahawa pengimportan beras tersebut adalah berdasarkan kepada pasaran terbuka dan tidak kepada pembelian melalui "Kerajaan dengan Kerajaan". Tidakkah ini mendatangkan satu kesan sampingan sepertimana yang telah saya katakan sebentar tadi? Saya berharap satu penelitian dan perhatian harus diberi bagi menentukan keadaan mutu beras, harga beras supaya ianya tidak akan mendatangkan kesusahan terutamanya kepada pengilang-pengilang ataupun kepada pengguna-pengguna dari segi harga dan mutu beras.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai masalah nelayan dari Pantai Barat terutamanya dari Pulau Pangkor. Apa yang telah saya difahamkan mengenai kedudukan sebuah pulau yakni Pulau Jarak yang dikatakan oleh Kerajaan kita sebagai milik Malaysia dan juga pihak pemerintah Indonesia mengatakan Pulau itu adalah Pulau kepunyaan mereka. Yang menjadi masalah kepada nelayan-nelayan yang pergi ke kawasan tersebut itu dan jika sekiranya tidak bernasib baik mereka itu akan diheret ke perairan Indonesia dan ditahan serta didenda kerana menceroboh perairan Indonesia. Perkara ini telahpun berlaku baru-baru ini kepada 4 orang nelayan daripada Pulau Pangkor dan ketika ini mereka sedaag ditahan di Belawan, Sumatra.

Sehubungan dengan ini, saya ingin menyeru kepada pihak yang bertanggungjawab supaya dapat memastikan bahawa Pulau Jarak itu milik siapa yang sebenarnya, sama ada milik Indonesia ataupun milik Malaysia dan apakah tidak ada perancangan daripada pihak yang bertanggungjawab acaupun pihak Kementerian Pertanian untuk memaklumkan kepada nelayan-nelayan kecil mengenai garis sempadan ataupun perairan yang boleh mereka pergi untuk menangkap ikan.

Sehubungan dengan ini juga saya suka menyarankan bahawa peruntukan yang lebih harus diberi dan diutamakan bagi mengawasi perairan Malaysia dan nelayan-nelayan Malaysia dari diganggu-gugat oleh negara-negara luar

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh sedikit mengenai Maksud B.59, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan di mana sebagaimana yang telah kita sedia maklumi sebanyak \$23.4 juta dari peruntukan sebanyak \$28.6 juta telah diperuntukkan bagi Belanja Mengurus kepada Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia ataupun TDC.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak TDC yang telah memainkan peranan dalam pelbagai, usaha untuk menggalakkan pelancongan akan tetapi dalam usaha-usaha galakan itu, apakah yang telah terjadi kepada apa yang dinamakaa Pelan Induk Pelancongan Negara dan aaya berharap kepada Keraenterian yang berkenaan dapat memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini mengenai perkembangan dan kemajuan Pelan Induk tersebut itu.

Saya juga telah difahamkan bahawa pihak Kementerian yang berkenaan akan melaksanakan satu program khusus dengan mengadakan satu projek, apa yang dinamakan Projek Melawat Malaysia. Saya berharap tindakan-tindakan ke arah ini dapat sama-sama kita lihat akan hasilnya nanti dan pertambahan jumlah keramaian pelancong-pelancong asing yang tiba dan jumlah pendapatan perolehan dari kemasukan mereka ini. Sebagai contohnya dalam tahun 1986 seramai 3.2 juta pelancong asing telah masuk ke negara ini dengan perolehan pendapatan sejumlah \$1.5 juta.

Sehubungan dengan ini jika sekiranya pihak Kementerian melalui TDC dapat menonjolkan usaha-usaha ini maka saya rasa di dalam tahun-tahun yang akan datang jumlah keramaian dan pendapatan akan bertambah lebih. Untuk usaha-usaha memperkenalkan dan memberi galakan maka sudah seharusnya Kementerian ini diberikan peruntukan yang lebih daripada apa yang ada kalau benar-benar kita mahu melihat perkembangan industri ini setanding dengan perkembangan dan kemajuan sektor industri pelancongan di negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan sebagainya.

Penekanan promosi ini harus dititikberatkan kepada melancong bersama keluarga. Promosi ini harus memberi gambaran yang sejelas-jelasnya mengenai keseronokan melancong di Malaysia kerana bersama keluarga pihak Kerajaan harus sedar dan mengetahui mengenai kehendak-kehendak dan minat para pelancong yang akan datang kemari. Sebagai contoh orang Eropah amat gemarkan pantai-pantai yang bersih, kolam renang dan sebagainya. Dan untuk itu kita mempunyai potensi-potensi yang luas untuk memperkenalkan maksud dan apa yang diharapkan oleh pelancong-pelancong Eropah.

Kita ada Taman Negara untuk melihat alam semula jadi, termasuk binatang-binatang ataupun pokok-pokok serta keindahan sungainya. Maka promosi-promosi tempat-tempat inilah yang harus diberikan perhatian dan tindakan segera. Kita lihat ramai para pelancong kita pergi ke Medan khususnya ke Danau Toba dan kita lihat apa yang ada di sana. Keindahan alam semula jadi, kebersihan pantai kita adalah lebih menarik tetapi masih ramai para pelancong kita mengunjungi

di sana. Ini tidak lain dan tidak bukan kerana promosi dan penjonjolan yang dibuat oleh Kerajaan Indonesia bagi memperkenalkan tempat-tempat yang tersebut itu. Kesimpulannya kepada saya apa sahaja benda yang ada di dalam dunia ini kalau sekiranya diberikan pendedahan, benda yang tidak cantik akan jadi cantik.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang harus dititikberatkan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan ialah mengenai negara dan budaya Malaysia sendiri. Ini adalah merupakan satu-satunya sumber utama negara yang akan menarik minat para pelancong daripada luar negeri. Kadang-kadang kepada kita bila menyebut kebudayaan, apabila para pelancong datang kemari, makanan yang hendak dimakan ataupun hendak dirasa ataupun sesuatu budaya bagi sesuatu bangsa itu hendak ditengok hanya dapat disebut sahaja bendanya tiada. Inilah yang menjadi masalah yang besar kepada kita pada hari **ini**. Sebagai contoh, budaya kita peribumi sama ada daripada Pantai Timur yang terkenal dengan Dikir Barat, Mak Yong dan daripada Pantai Barat pula, tarian lenggok permainan Dabus daripada Perak dan daripada Pulau Pinang permaiaan Boria dan apabila para pelancong itu datang kemari, di manakati boleh dilihat keadaan ataupun budaya-budaya yang saya maksudkan ini.

Kadang-kadang kita sendiri tidak mengetahui mengenai budaya kita kerana tidak ditonjolkan. Maka inilah satu lagi peranan Kementerian dalam menonjolkan budaya-budaya kita dan meletakkan di tempat-tempat yang sesuai supaya ianya menjadi terkenal. Tambahan pula kita lihat banyak daripada budaya-budaya peribumi pada hari **ini**, satu demi satu telah ditelan zaman.

Jadi untuk itu kita harus pastikan di samping kita memberikan galakan kepada sektor pelancongan, penonjolan budaya juga perlu dititikberatkan. Pihak Kementerian perlu mengumpul dan menyatukan semua budaya-budaya yang ada di dalam Komplek Budaya Negara seperti mana di Indonesia, negara itu mewujudkan Taman Budaya, Taman Ismail Marzuki ataupun Taman Negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara pemesatan itu akan lebih memudahkan para pelancong mengenal dan menikmati corak dan cara hidup rakyat Malaysia tanpa berjalan jauh ke seluruh negara. Terpujulah kepada pihak Kementerian untuk menyusun semula dan membentuk satu Kebudayaan Nasional macam mana bentuk ataupun adunan, kerana kita di negara ini terdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan tetapi yang penting kepada saya ialah pembentukan Kebudayaan Nasional itu mestilah berasaskan kepada budaya peribumi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Bil ini, Terima kasih.

Tuan Yang di—Pertua: Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.

5.28 ptg.

Tuan Hiew King: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987) yang sedang dibentangkan ini. Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini Kerajaan diberi kuasa berkanun menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan dan memperuntukkan wang itu untuk beberapa pembayaran tambahan bagi

perkhidmatan-perkhidmatan awam Persekutuan dalam tahun 1987 yang melebihi perbelanjaan yang telah dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1987 dan Akta Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987).

Tuan Yang di-Pertua, memang ini sering terjadi bahawa perbelanjaan sebenar melebihi anggaran perbelanjaan yang dibenarkan kerana faktor-faktor yang tidak disangka-sangka. Walaupun demikian saya masih berharap agar Kerajaan kita terutamanya pegawai-pegawai kanan pelbagai Jabatan dapat lebih berhati-hati dengan perbelanjaan wang awam dan lebih berjimat cermat.

Tuan Yang di-PerCua, saya bukan hendak menuduh siapa pegawai di sini - itu bukan maksud saya. Sayapun tahu Kerajaan telah sentiasa berjimat-cermat tetapi selama ini kita telah terjejas oleh kemelesetan ekonomi antarabangsa. Ekonomi kita baru bermula pulih. Lagipun, perkembangan ekonomi dunia kini pula tidak beberapa menggalakkan.

Memandangkan keadaan yang demikian, kita harus bersikap lebih berjimat-cermat dalam pengurusan wang awam kita. Jangan sampai membazir, hanya membelanjakan yang perlu sahaja. Cermatkanlah apa yang boleh dihematkan asalkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran tidak terganggu, usaha-usaha Kerajaan dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi tidak terbandung. Inilah harapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh Maksud B.59 mengenai Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Kita tahu Kerajaan kita, terutama Kementerian ini berusaha dengan segala daya upaya untuk menggalakkan kemajuan perusahaan pelancongan. Kerajaan telahpun mengadakan banyak aktiviti promosi di Semenanjung dan di luar negeri dengan menyediakan kemudahan-kemudahan. Umpamanya, banyak kawasan-kawasan yang mempunyai pemandangan indah semula jadi dibuka menjadi tempat tumpuan pelancong. Sistem Penerbangan Malaysia pun mengadakan shuttle flight, dengan izin, antara Singapura, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Pulau Langkawi dan sebagainya untuk membolehkan pelancong-pelancong asing melawat tempat-tempat; tersebut tetapi di Sarawak terdapat kekurangan kemudahan yang disebutkan tadi.

Maka saya memohon agar Kerajaan boleh mengarahkan Sistem Penerbangan Malaysia juga menyediakan shuttle flight antara Kuala Lumpur atau Singapura dan Kuching atau mengizinkan perkhidmatan penerbangan asing lainnya, umpamanya Singapura Airlines atau Cathay

Pacific menyediakan atau memperluaskan perkhidmatannya ke Kuching supaya pelancong-pelancong asing boleh melawat negeri Sarawak dengan mudah. Di negeri Sarawak tidak kurang tempat-tempat indah semula jadi yang menarik. Maka saya berharap permintaan saya ini dapat diberikan pertimbangan oleh Kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan sokongan di atas Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) 1987, 1988. Terima kasih.

5.33 ptg.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya membahaskan Rang Undang-undang yang bertujuan membentangkan Akta Perbekalan Tambahan, 1987.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui sebanyak \$47 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.7 - Jabatan Perdana Menteri, yakni jumlah sebanyak \$38.3 juta untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur kemudahan awam dan sosial serta keagamaan bagi kawasan-kawasan bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya ingin menyerukan kepada Jabatan Perdana Menteri supaya mengeluarkan lebih banyak peruntukan pembangunan Pelabuhan Labuan di Wilayah Persekutuan. Sebagaimana yang kita ketahui Labuan adalah sebuah pulau kecil yang mempunyai bilangan penduduk seramai 30,000 orang. Punca rezeki sebilangan besar penduduk tempatan adalah melalui perniagaan pertukaran barang Labuan dengan barang Filipina. Perniagaan ini dikenalisebagai barter trade, dengan izin. Jenis perniagaan sedemikian telah berjalan selama 28 tahun. Oleh kerana Kerajaan tidak menyediakan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik yang lebih

lengkap di Pelabuhan Labuan, jenis peraiagaan ini telah mengalami kemerosotan. Keadaan ini bertambah buruk lagi apabila kemasukan bot peniaga Filipina dikenakan berbagai red tape. Akibatnya, ramai peniaga Filipina telah beralih ke Singapura yang memberikan layanan yang lebih memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini bertambah buruk lagi apabila tersibarnya berita yang mengatakan Kerajaan Filipina akan memansuhkan perniagaan barter trade ini. Berita buruk ini sungguh membimbangkan para peniaga Labuan. Saya mengesyaki wujud satu sindiket luar negeri tertentu yang cuba mensabotaj perniagaan barter trade ini. Oleh itu, saya berharap Kerajaan Pusat akan membuat penyiataan segera untuk memastikan perniagaan ini dapat terus dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kekurangan kemudahan asas di Pelabuhan Labuan, Jabatan Perdana Menteri harus mengeluarkan lebih banyak lagi peruntukan untuk tujuan tersebut. Dengan demikian, barulah Labuan akan menjadi sebuah pelabuhan yang makmur dan maju. Di samping itu, berikutan pindaan Akta tersebut sebanyak \$8.7 juta untuk menyelaraskan peruntukan program-program bagi Bahagian Wilayah Persekutuan, Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, yang diminta di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, saya ingin menyeru kepada Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan supaya segera mengeluarkan hakmilik tanah kepada para penduduk di kampung-kampung baru, ini akan membolehkan mereka membaiki atau membina semula rumah mereka yang telah usang. Sebagai contohnya, hakmilik tanah Kampung Baru Jinjang akan tamat pada tahun 1989, Walaupun permohonan untuk

membaharuinya telah dibuat dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga pernah menjamin mereka akan diberi hakmilik tanah selama 99 tahun akan tetapi apa yang dikesalkan ialah sehingga kini mereka masih belum mendapat apa-apa jawapan yang ditunggu-tunggu. Oleh itu, saya berharap Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan akan meluluskan permohonan tersebut supaya mereka akan memperolehi hakmilik tanah itu secepat mungkin.

Selain daripada itu, di Wilayah Persekutuan ini terdapat lebih kurang 5,000 buah kilang menduduki tanah Kerajaan. Walaupun Bahagian Pembangunan Wilayah Persekutuan telah merangkakan rancangan penempatan semula kilang-kilang itu, tetapi ia masih belum diumumkan.

Memandangkan industri ringan itu sangat penting terhadap pembangunan Kuala Lumpur, tambahan mulanya merupakan punca sebilangan besar penduduk Kuala Lumpur. Oleh itu saya berharap lebih banyak peruntukan juga dikhaskan untuk pembangunan industri ringan ini seperti menjual tapak kilang dengan harga yang murah, menyediakan bekalan air, jalanraya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya melahirkan sokongan sepenuhnya terhadap Rang Undang-undang yang bertujuan meminda Akta Perbekalan Tambalian (1987). Sekian, terima kasih.

5.40 ptg.

Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih oleh kerana saya diberi peluang untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987),

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang ada hubung kaitnya di dalam Akta Perbekalan yang tersebut.

Menyentuh peruntukan Polis Di Raja Malaysia, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih di atas kecekapan Pasukan Polis yang telah dapat membanteras jenayah selain daripada dapat menjaga keamanan negara yang boleh dikatakan memuaskan. Namun demikian, masih terdapat banyak lagi jenayah yang berlaku di dalam negara kita ini oleh kerana saya berpendapat di sebabkan pembangunan yang begitu pesat di samping pertumbuhan bilangan penduduk yang begitu ramai yang terdapat di dalam negara kita ni.

Maka sudah sewajarnya bagi pendapat saya dengan adanya pertumbuhan manusia yang begitu banyak dan jenayah yang begitu berleluasan, maka sudah sewajarnya Polis Di Raja patut membina lebih banyak lagi Balai-balai Polis di kawasan-kawasan yang tertentu yang boleh dianggotai oleh 3 atau 4 orang anggota polis yang akan boleh membantu penduduk-penduduk di dalam kawasan yang sekitar serta dapat memberikan kemudahan dan keselesaan kepada rakyat untuk membuat aduan dari segi mati, bilang, kemalangan dan sebagainya. Lebih-lebih lagi di dalam kawasan-kawasan luar bandar, di dalam rancangan-rancangan FELDA yang berkelompok, contohnya di kawasan saya di Keluang ada satu rancangan berkelompok yang mengandungi FELDA Bukit Tongkat, Ulu Plitong dan Peggeli yang mengandungi tidak kurang daripada 2,000 penduduk di samping kawasan-kawasan yang berhampiran seperti rancangan Tabung Haji dan sebagainya. Jarak jauh yang ada Balai Polis daripada tempat yang berkenaan lebih kurang 40 batu. Kalau sesuatu perkara yang terjadi di kawasan itu, umpamanya kemalangan jalanraya, menunggu untuk mendapatkan bantuan daripada pihak polis sampai setengah hari, Dengan adanya Balai Polis yang saya maksudkan tadi akan dapat memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di luar Bandar.

Selain daripada itu, Bandar Keluang ini adalah satu bandar yang unik. Bandarnya dibahagi kepada dua. Di tengah-tengah bandar ada satu landasan keretapi. Pada tiap-tiap hari tidak kurang daripada 17 kali keretapi lalu di kawasan itu yang mana gate keretapi itu patut ditutup. Balai Polisnya adalah di sebelah kanan dan di sebelah kirinya adalah bangunan-bangunan kedai dan juga penduduk-penduduk yang duduk di kawasan itu. Bila perkara-perkara jenayah berlaku di masa keretapi lalu di dalam kawasan ini di landasan yang

tersebut, maka pihak polis tidak akan dapat mienyeberangi untuk mengatasi perkara-perkara yang saya katakan itu.

Oleh yang demikian, saya berpendapat sudah sampai masanya polis mengadakan satu balai yang baru di dalam kawasan yang saya katakan tadi. Bila kita mengatakan kita mahu mendirikan Balai Polis ini, timbul masalah tanah yang diperkatakan. Pada saya di Keluang sana tanah tidak menjadi masalah, kerana tempat-tempat ini telahpun disediakan oleh pihak-pihak yang berkuasa iaitu tanah diperuntukan untuk membina Balai-balai Polis. Tetapi malangnya bila kita bangkitkan perkara ini, jawabnya ialah peruntukan belum ada lagi. Oleh yang demikian, saya mengharapkan semoga Kementerian yang berkenaan dapat memberikan peruntukan bagi maksud yang saya katakan tadi.

Selain daripada itu, di dalam sesuatu pasukan, pakaian seragam adalah begitu mustahak dan begitu penting bagi sesuatu pasukan khususnya Pasukan Polis Di Raja. Memandangkan pakaian seragam yang sedia ada ini, saya fikir sudah tidak kurang daripada 10 tahun dan kalau kita pergi di Bandaraya Kuala Lumpur ini, kalau kita bezakan di antara pakaian seragam yang digunakan oleh Polis Bandaraya dengan Polis biasa ini, adalah begitu ketara sekali, kerana bila kita pandang pakaian yang begitu cantik, begitu bersemangat akan memberi inspirasi yang lebih baik dan akan memberikan semangat yang begitu gigih kepada pasukan yang berkenaan untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

Di samping itu orang ramai juga akan memberikan sokongan serta sentiasa menghormati di atas kecekapan, kesegakan pasukan yang berkenaan, lebih-lebih lagi kalau kita pandang dari segi pakaian Polis Simpanan Persekutuan (FRU), kalau kita bandingkan dengan

pakaian seragam polis yang sedia ada. Saya berpendapat sudah sampai masanya Pasukan Polis Di Raja kita ini pakaiannya patut ditukar dengah pakaian yang lebih bersemangat yang boleh lebih dihormati oleh masyarakat di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi rakan saya Dr. Tan menyentuh berhubung dengan kereta ronda babagian Polis. Hari ini kita nampak bermacam-macam jenis kereta ronda yang telah digunakan oleh pihak polis. Kita berasa megah. Sepatutnya, pada pendapat saya, kereta-kereta ronda polis ini patut kita beri galakan menggunakan kereta nasional kita iaitu Proton Saga. Tetapi apa yang kita nampak hari ini banyak kereta-kereta ronda ini digunakan dengan jenis Volvo 360. Kita tidak iri hati pihak polis menggunakan kereta yang seumpama itu. Tetapi apa yang menyedihkan, baru sahaja 6 bulan kita beli kereta yang seumpama itu, sudah tersadai disebabkan apa yang difahamkan bahawa alat ganti bagi kereta yang tersebut tidak mencukupi atau tidak dapat diadakan di dalam negara kita ini.

Jadi saya mengharapkan kepada Jabatan yang berkenaan kalau hendak beli kereta pun berhati-hatilah, belilah kereta yang senang kita dapat alat gantinya. Jangan terjadi macam apa yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan kemudahan asas. Kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan khususnya kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah dapat menyediakan kemudahan asas dari segi jalanraya. Kita berasa bangga kerana di mana sahaja kita pergi pada hari ini baik-pun di kampung-kampung ataupun di pendalaman, jalanraya-jalanraya yang menuju ke kampung sekarang sudahpun ditar, lebih-lebih lagi jalanraya-jalanraya yang ada di dalam kawasan bandar.

Walau bagaimanapun masih terdapat banyak lagi jalan-jalan yang patut diperbaiki. Contohnya, di kawasan saya, di dalam bandar Keluang ada satu jalan utama menghubungkan bandar Keluang ke Paloh sejauh 15 kilometer. Jalan ini telahpun dibina sejak 8 tahun dahulu dengan menggunakan tanah merah melalui beberapa kampung. Kalau musim hujan kita dapat bayangkan tentu merah. Kalau musim panas, debu. Jadi di kawasan kampung yang tersebut sentiasa rumah tutup sahaja dan tak payah beli cat lagi, sebab sentiasa merah. Kalau hendak dicat pun kalau putih jadi merah.

Jadi perkara ini telahpun dibangkitkan dan telahpun dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan tetapi sehingga hari ini masih kita lagi menunggu. Yang anihnya jalan ini adalah dalam bandar

berdekatan dengan kawasan Majlis Daerah Keluang Utara. Apa yang kita diharapkan kita bukanlah hendak suruh buat 15 kilometer sekaligus tetapi kalau dapat dibina 3 kilometer pada tiap-tiap tahun, dalam jangka masa 5 tahun jalan itu akan siap. Kita percaya dan kita faham bahawa perbelanjaan untuk membinajalan tersebut adalah besar tetapi kalau kita dapat membina 3 kilometer pada tiap-tiap tahun akan dapat memberikan kemudahan, keselesaan dan kesenangan kepada rakyat jelata yang duduk berhampiran di dalam kawasan itu. Yang mustahaknya ialah 3 kilometer jalan tersebut yang melalui beberapa kampung. Jadi saya mengharapkan kepada Kementerian yang berkenaan tersebut supaya dapat mengambil perhatian atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh bsrhubung dengan Kementerian Pelancongan. Ramai rakan-rakan saya tadi telahpun berkata tetapi saya akan mengambil sedikit masa sahaja. Kalau kita hendak cerita Kementerian Pelancongan ini usaha-usaha telahpun dibuat untuk menarik beberapa ramai pelancong datang ke negara kita ini. Tetapi apa yang saya mengharapkan supaya Kementerian Pelancongan ini dapat bekerjasama ataupun meminta kerjasama daripada Jabatan-jabatan yang lain yang ada hubung kaitnya untuk menarik pelancong-pelancong ke dalam negara kita ini.

Sebagaimana yang kita sedia maklum - kita ambil contoh Tambak Johor ini - apabila hendak masuk Tambak Johor ini banyak Jabatan yang terlibat seperti Kastam, Imigresen, Polis dan sebagainya. Apa yang penting di sini apabila kita hendak menarik pelancong ke negara ini ialah dari segi sopan santun, dari segi cara mana dan bagaimana kita dapat menarik pelancong dan memberi kemudahan dan keselesaan

kepada pelancong-pelancong yang ingin memasuki ke dalam negara kita ini.

Pernah berlaku baru-baru ini di Lapanganterbang Pulau Pinang, bila satu rombongan yang datang daripada Johor melawat ke Medan dan balik melalui Pulau Pinang, bila turun di Lapanganterbang Pulau Pinang ini, ia patut kena pergi ke traosit lounge, dengan izin. Apa yang berlaku di situ, ungkap kasar yang telah ditunjukkan oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di Lapanganterbang tersebut.

Jadi, kalau contoh yang semacam ini dilakukan oleh pegawai-pegawai kita di pintu-pintu masuk ke negara kita ini, jadi bagaimana kita dapat menarik pelancong-pelancong datang ke negara kita? Jadi satu kursus patut diberi kepada mereka yang kita tempatkan di pintu-pintu masuk ke negara kita ini supaya dapat memberikan kerjasama kepada pelancong-pelancong yang akan datang ke negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu pandangan yang dapat saya berikan dan saya sekali lagi menyokong Akta Perbekalan Tambahan (1987). Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim.

5.57 ptg.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bercakap. Walaupun saya ingin bersama-sama dengan rakan-rakan lain, membahaskan beberapa Bil yang lalu, tetapi tidak dapat peluang. Walaupun saya bangun beberapa kali, mungkin agaknya

kerana saya ini rendah, bila orang lain bangun terlindung saya, tidak ternampak, maka tidak ada peluanglah. Tetapi pada petang ini oleh kerana banyak kerusi kosong [Ketawa] maka Tuan Yaag di-Pertua pun nampak saya, itu pun sesudah beberapa kali bangun. Terima kasih banyak. Saya hendak ambil sedikit sahaja peluang dalam membahaskan Akta ini.

Satu daripadanya yang saya ingin menyatakan iaitu Maksud B.1. Sebelum saya bercakap atas perkara ini, saya ingin juga menyarankan sedikit, selalulah kita mengatakan jimat perbelanjaan, jimat tenaga "jimat" selalu diperkatakan tetapi tidak "jimat" selalu berlaku.

Dalam B.1 - Parlimen, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah ia termasuk dalam Perbelanjaan Mengurus Parlimen ini, tolonglah perbaiki sedikit kerusi-kerusi tempat duduk ini, kerana kebanyakan sudah rosak. Ia tidak payahlah diganti kerana kita hendak jimat belanja tetapi diperbaiki sahaja terutama sekali macam kerasi saya ini, tiga kali tarik tidak boleh duduk lagi - malang sungguh - tiga kali tarikpun tidak boleh terbuka lagi dan masih terlekat. Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak percaya, boleh tengok ini - sampai koyak kulitnya itu, tidak ada siapa yang tolong tengok. Bukan kerana saya, tidak. Tetapi kebetulan kepada saya, maka saya sebutlah.

Selepas itu kita lihat keluar baru sahaja kita ganti lantai kita itu dengan tikar getah. Ini juga tidak menjimatkan. Kalau kita buat batu yang cantik sekali, lebih belanja tetapi kita menjimatkan wang itu bertahun-tahun kita tak payah keluar wang untuk memperbaiki. Kalau ini habis-habis tiga, empat tahun maka setahun sekali kena tukar, kena upah, kena buang, begitu, jadi membazir. Tidak sama nada yang kita perkatakan berjimat tetapi tidak jimat. Tadi saya pergi ke kantin makan ada pula yang bocor di sana. Itu pun tidak jimat jugalah.

Menyentuh Maksud B.4. Suruhanjaya Pilihanraya. Ini juga kalau kita kira-kira hasilnya kurang memuaskan sebab bila ada pilihanraya kertas undi yang diperiksa ada yang tidak betul. Ini juga patut diperhatikan. Pengira-pengira undi ini kita keluarkan belanja tetapi kalau kira undi pun tak betul, dia tak tahu siapa punya maka patutlah orang-orang ini kita tetapkan dan beri kursus, lain kali pilihanraya orang-orang yang tertentu ini kita ambil bekerja kerana merugikan, tidak menjimatkan.

Begitu juga kalau pilihanraya. Kita banyak menggunakan poster, poster-poster ini juga kita patut jimatkan. Kertas-kertas ini juga patut kita jimatkan. Kita tidak selalu berjimat, terlalu banyak membuang. Kita kata keadaan negara kita meleset tetapi penjimatan tidak ada. Ini haruslah diperhatikan daripada semua Jabatan-jabatan.

Cuba kita kira kalau satu hari, satu orang buang kertas dua helai seorang, berapa banyak sudah terbang. Selepas itu ada lagi pembuangan yang tidak patut dibuat, dibuat, selepas itu terbang begitu sahaja, maka tidak juga menjimatkan perbelanjaan. Sepatutnya

kita kecilkan sedikit perbelanjaan kita. Dahulu kita hendak kecilkan belanja, kertas itu panjang dipendekkan tetapi pembuangan macam itu juga. Ini juga saya rasa patut kita perhatikan.

Dalam B.6 Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan. Saya pun tidak tahu bagaimana keadaan ini. Kalau kita hendak lihat daripada peruntukan Kementerian Pendidikan adalah yang pertama banyaknya. Saya suka menyentuh perkara itu dan di sekolah-sekolah masih juga banyak lagi pungutan wang daripada orang ramai, daripada jualan-jualan yang diperuntukkan untuk sekolah. Jadi, kadang-kadang ibubapa bertanya: Ini hendak buat apa, derma apa? Derma hendak buat bangunan tambahan sekolah. Jadi, ada sedikit tambahan kita buat murid-murid kena kutip, ibubapa kena beri. Berlaku perkara-perkara yang seperti itu. Di sini tengok, bila kita bentang budget pada tahun sudah, peruntukan Kementerian Pendidikan untuk sekolah ada, di sekolah-sekolah manungut wang daripada anak-anak, jadi tak ada lepas daripada wang. Ini juga tidak menjimatkan.

Berkaitan dengan B.36 Polis. Saya juga bersama dengan rakan-rakan yang lepas berucap tadi iaitu berkaitan dengan kereta ronda Polis. Saya tidak hendak bercakap fasal kereta. Di Pulau Pinang banyak juga yang pakai Proton Saga tetapi anggota-anggota Polis yang membawa kereta ronda ini dia ronda mana pun kita tak tahu dan dia tidak ada hormat kepada orang-orang yang banyak ini. Ini sangat menyedihkan sebab dia ingat dia Polis, orang tak boleh tangkap dia, maka dia boleh buat sesuka hati. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat dia hendak letak kereta, dia letak tengah-tengah jalan, di tengah simpangkah, dia tak peduli. Jadi, ke mana moral, disiplinnya itu, tak ada. Itu juga macam kata rakan saya tadi patut kita beri kursus, guna wang banyak tak mengapa, tetapi biarlah dia berdisiplin. Kalau dia seorang anggota Polis yang menunjukkan sikap yang

sedemikian, apatah lagi orang ramai. Macam pepatah Melayu ada mengatakan dan saya tak mahu sebut pepatah itu. Jadi, tak ada silu, tak ada segan, dia boleh buat sesuka hati macam cowboy. Kita menyuruh orang berakhlak tetapi kita yang sebagai cermin, memakai uniform tidak menunjukkan kita punya peribadi supaya ditiru oleh orang. Ini juga berlaku kepada polis.

Berkaitan dengan pelancongan. Pelancongan ini, Tuan Yang di-Pertua, di Pulau Pinang iai kira ternama juga, pulau mutiara, tempat pelancongan tetapi indah khabar sahaja daripada rupa, di dalamnya kosong, tak ada apa hendak tengok. Kalau pelancong-pelancong hendak pergi ke Bukit Bendera cuma hendak pergi Bukit Bendera itu kerana hendak naik keretapi bukit. Selain daripada itu apa pun tak ada.

Sebagaimana kata rakan saya Yang Berhormat tadi kalau di Pulau Pinang ada Boria, umpamanya pelancong-pelancong yang hendak naik ke Bukit Bendera adalah pertunjukan di sana, jualan makanan ala Malaysia. Ini tak ada, tak ada berlaku langsung. Naik keretapi bukit, pusing setengah jam, balik, turun, tak ada apa hendak tengok, cuma hendak tengok Pulau Pinang itu di bawah, itu sahaja. Perkara ini berlaku sebab tidak ada penglibatan orang ramai, tak beri peluang orang-orang bawah ini buat. Kalau kita beri peluang itu kepada penduduk-penduduk dalam kawasan itu ataupun satu-satu badan yang mengelolakannya, dibantu mereka, mesti perkara itu berlaku maka dapatlah kita tunjukkan. Kalau di Pulau Pinang ada Boria; kita megah dengan Boria, boleh tunjukkan Boria, kita mengah dengan makanan kari, boleh beri makan kari. Ini tak ada, naik Bukit Bendera turun, habis.

Pergi melihat tokkong ular, nama sahaja, tidak ada juga. Jadi, tidak ada satu yang khusus untuk dipertunjukkan di negeri itu supaya menarik pelancong datang ke situ. Bunyi sahaja elok. Ini juga merugikan. Jadi, dengan adanya pelan induk ini, maka patutlah perkara-perkara sedemikian diperhatikan, diberi peluang kepada badan-badan sukarela, diberikan sedikit imbuhan, tentu mereka akan menunjukkan perkara-perkara ini. Banyak yang menganggur, jadi, dia boleh buat kerja itu.

Menyentuh perkara lain, saya ingin bercakap, saya masih teringat lagi semasa kita akan mengadakan mesyuarat pada bulan Disember yang lepas dalam perjumpaan pre-council, ada juga kita menyuarakan kalau ada hendak pergi ke mana-mana beri peluang kepada Senator-senator ini dibawa sama. Nampaknya, sampai hari ini tidak ada, berbelanja daripada beberapa jabatan banyak. Lagi satu, satu Muzium Negara, Muzium Negara ini satu buah sahaja rumahnya di Kuala Lumpur ini. Cuba kita tengok perbelanjaannya banyak mana.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu ada pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja di Muzium Negara ini yang pergi ke luar negeri sampai 3, 4 bulan, lebih teruk daripada Menteri lagi, kerana hendak mencari barang-barang. Ini tidak menjimatkan, tentu sekali dia pergi ke luar negeri, kita tidak berhasrat hendak menyekat rezeki, tetapi mesti dipastikan hasilnya seimbang dengan wang yang kita belanjakan. Ini kita bercakap selalu, bersih, cekap, amanah. Tidak bersih, tidak cekap, tidak amanah. Ini semua jauh sekali, jimat tidak menjimatkan, siapakah yang buat?

Tuan Yang di-Pertua, patutlah perkara-perkara ini kita suarakan, kita bercakap ini, saya sudah tahu, tidak akan masuk surat-khabar dan tidak masuk TV. Cuba kita lihat, kita bercakap berhari-

hari, berminggu-minggu, siapa yang hendak ikut? Dalam suratkhbar setengah muka 3 sahaja berita Dewan Negara. Jadi, orang tidak tahu, pasal itu orang kata kita "rubber stamp". Tidak ada publisiti, tidak tahu saya di mana salahnya. Kita bercakap tidak pernah orang lain dengar. Jadi, dia kata kita duduk diam sahaja, mengikut sahaja apa cakap orang. Ini satu daripadanya menunjukkan kelemahan-kelemahan itu. Maka ini harus diperbaiki, bukan sebab saya bercakap hendak masuk suratkhbar, tidak payah. Saya memang jarang keluar suratkhbar inipun. Tetapi saya tengok Yaag Berhormat Wak Shaharom (minta maaf lah ya?) Saya sudah biasa, Tuan Yang di-Pertua, dia ini kawan baik saya, sebab itu saya selalu panggil dia "wak". Jadi, saya panggil "wak" sahaja, ya wak?

Cakap sampai berapa jam, cuba kita tengok, besok beritanya dalam surat-khabar.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Perkataan "wak" itu kena tarik balik, ada yang bagus lagi "kekanda" sepatutnya. [Ketawa]

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Kepada saya tidak jadi masalah, "kekanda" pun lagi baik, tetapi mungkin saya jadi kekanda. Jadi, ini Tuan Yang di-Pertua, patutlah dapat perhatian kepada pihak-pihak yang tertentu supaya seimbang mendapat publisiti di suratkhbar-suratkhbar. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, saya amat perhati dan teliti kalau di satu-satu Majlis macam semut, prok-prak, prok-prak, ambil gambar. Cuba kita cari besok dalam surat-khabar, tidak ada. Betul, tidak? Saya bukan cakap bohong. Lepas itu kalau ada majlis pembukaan di situ tetamu di sekeliling ini sudah tidak nampak, orang hendak buat apa di hadapan kerana dikelilingi oleh pemberita suratkhbar dan jurugambar. Tetapi besok kalau kita tengok tidak ada pun dalam suratkhbar. Ini apa main-main, tidak sedarkah ini?

Patut ini diperhatikan, apabila tidak ada publisiti, tidak ada dalam suratkhobar, itulah orang boleh kata kita macam-macam. Duduk mengantuk dalam Dewan, bersebang di luar, jadi "rubber stamp". Tetapi kita boleh balas, cakap dalam Dewan. Kalau tidak keluar suratkhobar memang tidak terbalas kepada mereka, tetapi kalau orang-orang yang ternama bercakap sedikit,, keluar suratkhobar besar-besar. Besok, boleh tengok suratkhobar itu. Walaupun dia cakap pendek, panjang beritanya deagan gambar sama sekali, tetapi orang lain punya cakap tidak keluar, ini berlaku. Di mana bersih, cekap, amanah? Sebab tidak bersih, cekap amanahlah kita menerima gejala-gejala buruk pada hari ini.

Jadi, tidak ada lagi saya rasa yang saya hendak sentuh, Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara ini, memadailah setakat itu. Kalau ada yang tertinggal Insya-Allah kalau besok ada peluang lagi kita sambung yang lain dan saya dengan segala sukacitalah menyokong satu Akta bagi menggunakan Wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu. Sekian, terima kasih.-

Tuan Mustafa bin Awang: [Bangun].

Tuan Yang di-Pertua: Saya nampak tadi Yang Berhormat Tuan Abdul Majid banyak kali sudah berdiri, tidak mahu bercakapkah? Jadi, maaf dahulu Yang Berhormat Tuan Mustafa, kita ada satu usul dahulu sebab masa sudah hendak habis.

**USUL
WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEKASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT**

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan di bawah Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai urusan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1987.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu Usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bahawa walau apapun peruntukan di bawah Peraturan Mesyuarat II, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai urusan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1987.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan di bawah Peraturan Mesyuarat 11, ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai urusan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1987.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1987)

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yaag Berhormat Tuan Abdul Majid bin Abdullah,

6.18 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk menyokong suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi perkhidmatan tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak banyak hendak menyentuh dalam hal ini kerana segalanya sudah disentuh oleh rakan-rakan saya, tetapi saya hanya hendak menyentuh soal peruntukan B.4, Suruhanjaya Pilihanraya. Saya ingin menyarankan di sini ialah berhubung dengan Daftar Pemilih. Setiap kali kita mengadakan Pilihanraya kita berterima kasih kepada Suruhanjaya ini yang telah mengendalikan Pilihanraya kita di peringkat Kebangsaan mahupun pilihanraya kecil. Daripada usaha inilah demokrasi kita berjalan terus dan tertubuhnya Kerajaan yang ada hari ini. Tetapi yang mendukacitakan, saban kali pilihanraya diadakan, masalah yang timbul ialah nama pemilih yang sentiasa berganda ataupun hilang dalam kawasannya dan didapati tidak ada langsung.

Sebagai contoh, hari ini ialah pilihanraya kecil Tanjung Puteri calon itu sendiri, Yang Berhormat Datuk Yunus Sulaiman tidak ada nama di kawasanya dan banyak lagi nama-nama yang sepatutnya ada tetapi tidak ada. Inilah saya menyarankan supaya Suruhanjaya ini mengadakan Daftar Pemilih tidaklah hanya pada masa-masa tertentu sepertimana yang dilakukan iaitu dalam semakan sebulan ataupun masa-masa yang telah ditetapkan. Apa yang kita harapkan ialah seharusnya Suruhanjaya ini mendaftarkan pemilih ini sepanjang tahun sehingga semua dokumen-dokumen pemilih ini benar-benar sahih barulah kita adakan satu pendaftaran semula mengikut sebagaimana biasa iaitu semakan sebulan bagi setahun dan seterusnya. Dan urusan ini harus juga kita pertimbangkan kepada penghulu-penghulu mukim, pengurus-pengurus ladang, pengurus-pengurus FELDA di mana orang-orang ini lebih tahu dengan kedudukan sebenar ke mana perginya seseorang pemilih itu, sama ada meninggal dunia, pindah ke tempat lain atau sebagainya. Jadi, tidaklah berlaku lagi percanggahan. Terdapat juga kadang-kadang setengah pemilih ada nama di dua kawasan. Ini juga saya rasa sudah tidak mengikut lunas-lunas demokrasi yang sebenar sebagaimana juga akta ataupun peraturan Suruhanjaya itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya menyentuh Maksud B. 57 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan saya sangat bersetuju dengan rakan-rakan saya tadi bahawa kemudahan asas seharusnya diteruskan kepada rancangan ataupun kampung-kampung di luar bandar yang masih lagi memerlukannya, dan banyak juga yang telah kita majukan tetapi masih lagi tertangguh kerana masalah-masalah ekonomi negara.

Seterusnya saya juga berharap kepada pihak Kementerian berkenaan menyusun struktur Jabatan Kemajuan Masyarakat ataupun KEMAS di mana penyelia-penyelia yang masih terdapat kekosongan di beberapa kawasan Parlimen di seluruh negara khususnya di negeri Johor yang saya rasa peranan penyelia-penyelia ini sangat penting bagi pembangunan masyarakat di tempat itu dan setelah berubahnya kawasan-kawasan Parlimen **ini**, keadaan ini masih lagi dalam keadaan lama dan masalah menjalankan tugas tanggungjawab ini adalah amat sukar bagi pegawai-pegawai yang sedia ada yang tidak cukup itu.

Seperkara lagi saya ingin menyentuh ialah pertandingan kebersihan rumah-rumah yang dianjurkan oleh Kerajaan yang telahpun dilaksanakan baru-baru ini. Saya ucapkan tahniah kepada pihak berkuasa kerana mengadakan pertandingan ini yang sudah menampakkan satu hasil yang amat baik kepada keraajaan sesebuah kampung, sama ada peringkat mukim, daerah ataupun negeri dan bagi sesebuah kawasan di mana tiap-tiap rumah yang bersih telahpun diberi saguhati, ini satu galakan yang sangat baik, Walau bagaimanapun, saya berharap program ini tidaklah hanya ditumpukan kepada satu-satu masa di mana bagi seseorang yang hendak mendapatkan rumahnya nombor satu ataupun hadiah yang istimewa bertungkus-lumus menjalankan kerjanya tetapi selepas itu ia buat tidak tahu dan tinggal dalam keadaan yang semula jadi. Jadi, seharusnya prestasi rumah-rumah ini ataupun kampung-kampung ini hendaklah sentiasa diawasi sepanjang tahun, barulah boleh ditentukan bahawa ia benar-benar layak menerima penghormatan itu. Kita tidak hendak sampai masa pertandingan diumumkan baru itulah mereka bersusah-payah mengelokkan, mencantikkan rumah mereka, kampung mereka, mukim mereka tetapi selepas itu terus tidak ambil langsung tanggungjawab ini. Saya rasa kalau ini berlaku berterusan, tidak ada maknanya program ini diadakan.

Oleh sebab saya nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan ada di sini, saya ingin juga menyentuh Kementerian Pengangkutan berhubung dengan masalah Pejabat Pengangkutan Jalan (JPJ) di negeri Johor iaitu daerah Kota Tinggi. Saya pandang Kota Tinggi merupakan daerah yang agak terbesar di negeri Johor tetapi Pejabat Pengangkutan Jalan tidak ada di daerah ini dan terpaksa semua urusan ini dilakukan di Johor Bahru dan setiap hari Pejabat JPJ di Johor Bahru itu sentiasa penuh sesak dan memakan masa bagi seseorang yang hendak berurusan dengan JPJ. Selain dari daerah Kota Tinggi tidak ada Pejabat JPJ, tidak ada juga untuk memberi ujian mendapatkan lesen-lesen memandu dan saya harap kalau wujudnya satu pejabat di daerah Kota Tinggi yang mengandungi daerah kecil Penggerang, yang dari Penggerang hendak ke Johor Bahru, kalau tidak silap saya hampir 80 batu - kiraan lama, kilometernya saya tidak berapa ingat: - begitulah jaraknya. Saya mendapati di daerah Keluang sudah ada pejabatnya tetapi di Kota Tinggi sehingga ini kita tidak dapat apa-apa maklumat lagi Pejabat JPJ akan diadakan di daerah ini.

Inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang hendak saya sentuh dan saudara saya pun saya nampak sudah mula bangun tadi dan saya dengan ini sekali lagi menyokong Rang Undang-undang **ini**. Terima kasih.

Tuan Tang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang.

6.26 ptg.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya minta maaf kepada semua yang hadir di dalam Dewan ini kerana sepatutnya lebih kurang 2 minit lagi biasanya kita sudah pulang tetapi mungkin sabit saya, sebab saya, saudara sekalian tidak dapat pulang dan saya ucap syabas kepada semua pegawai-pegawai Kerajaan yang sanggup menunggu.

Cuma saya hendak sentuh sedikit sahaja kerana saya sangat kempunan, hampir seminggu tidak diberi peluang oleh kerana mungkin saya tidak cergas, iaitu yang pertama sekali saya hendak berterima kasih atas nama nelayan seluruh negeri Terengganu kepada Kementerian Pertanian yang telah membina satu projek yang agak besar yang menelan belanja hampir berbelas juta ringgit iaitu Benteng Menahan Ombak di Pelabuhan Chendering. Secara kebetulan Timbalan Menteri yang berkenaan ada di sini, terima kasih sudah tetapi satu cadangan harus dibuat.

Pelabuhan yang memakan belanja hampir \$27 juta ini pada masa ini hampir tertimbus yang pada hemat saya pasir yang terdapat di dalam Pelabuhan ini tidak kurang tingginya 5 kaki dan lebarnya kira-kira empat kali padang bola, Maka terpulanglah kepada Timbalan Menteri dan Kerajaan apakah langkah yang perlu diambil. Perkara ini telah saya kemukakan kepada Menteri yang berkenaan pada satu masa dahulu supaya pasir-pasir ini disedut dijadikan satu timbunan kepada tanah yang hendak ditambun oleh SEDC Terengganu yang tanah ini di-kira menelan belanja lebih daripada \$3 juta. Satu perjanjian secara lisan telah dibuat tetapi bagi pihak SEDC Terengganu telah menggunakan tanah bukit untuk menambun paya untuk dijadikan tapak projek SEDC. Walau bagaimanapun, oleh kerana Timbalan Menteri ini masih muda, saya minta secara khusus membuat lawatan ke Terengganu. Di samping itu saya rasa satu perkara yang sangat mendukacitakan ialah salah seorang daripada Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri telah membuat kenyataan yang sama sekali tidak betul. Saya tidak kira saya bercakap petang ini, sama ada ada atau tidak mass-media tengok dan baca, pandang dan lihat ataupun dengar sahaja, saya tidak perlu itu, yang saya perlu ialah hendak menyampaikan hasrat rakyat di dalam Dewan ini sahaja, terpulanglah kepada Kerajaan mahu dilaksanakan atau tidak,

iaitu mengenai dengan Jabatan Perdana Menteri B.7 yang sekali gus barangkali melibatkan Saudara Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengenai dengan hakisan pantai yang pada masa ini dan beberapa tahun yang lalu telah menelan belanja berjuta-juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, kita pernah menyatakan bahawa Jabatan Penerangan dan Menteri Penerangan sendiri mengajukan kepada kita beberapa slogan supaya kita kasih dan taat kepada negara. Dan saya hendak bertanya Tuan Yang di-Pertua pada petang ini, apakah kalau pasir bumi ini tidak ada, boleh dipanggil negara. Kosong, bumi tidak ada, semuanya laut belaka. Saya rasa ini tidak perlu kita panggil negara. Jadi dengan sebab itu kita harus sayang, kasih kepada negara iaitu bumi Malaysia ini. Kalau setiap tahun barangkali di Pantai Timur daripada hujung Tumpat sehinggalah ke Johor Selatan demikian juga daripada Setoi, Perlis ke Pontian Kukup dihakis oleh laut dan selat. Jadi dengan sebab itu suatu tindakan segera perlu diambil.

Sebagai satu contoh, suka saya menyatakan di sini bagi pihak negeri Terengganu telah mengeluarkan perbelanjaan bagi mengatasi masalah ini lebih kurang \$2.4 juta.

Dalam soalan saya secara lisan, tetapi saya tidak tahu boleh jadi besok petang akan dijawab oleh Menteri yang berkenaan dan kalau tidak dijawab pun tidak apa, akan dijawab dalam ucapan saya ini sama ada petang ini ataupun besok menunjukkan Kerajaan bahawa Negeri Terengganu telah sedar penyakit yang merbahaya. ini melanda negeri

Terengganu. Saya percaya negeri-negeri lain juga terlibat terutama sekali Pantai Timur.

Satu persoalan yang saya harus mendapat jawapan daripada Menteri yang terlibat ini yang berkenaan, apakah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri ini akan digantikan semula oleh Kerajaan Pusat. Dan kalau tidak ada sekali pun maka pada petang ini, saya merayu dan memohon supaya wang yang telah dibelanjakan ini digantikan semula bagi menampung kewangan negeri Terengganu yang sama-sama kita tahu setakat ini tiap-tiap negeri menghadapi ke-melesetan Perbendaharaannya.

Perkara yang ketiga, saya muka sebut di sini iaitu mengenai dengan Kementerian Yang Berhormat Saudara Abang Hussein. Orang lain mentang tidak sebut **ini**, saya dengar-dengar sepanjang dua tiga hari ini tidak disebutnya tetapi ada Akta-akta akan dipinda untuk membaiki keadaan Perkhidmatan Bomba negara. Pada satu masa dahulu perkhidmatan bomba ini diletakkan di bawah Kerajaan-kerajaan Negeri. Barangkali saya tidak tahu apa sebabnya, barangkali Kerajaan Negeri tidak dapat menaikkan gaji masing-masing maka diserahkan kepada Kerajaan Pusat.

Saya berterima kasih atas kesedaran Kementerian yang berkenaan bagi membaiki keadaan Perkhidmatan Bomba tetapi apa yang perlu saya sebut di sini ialah kita hari ini menyediakan projek-projek pembangunan terutama sekali bangunan di bandar-bandar dan di pekan-pekan yang akan dijadikan bandar. Tetapi ada setengah-setengah Balai Bomba ini kadang-kadang kita cari setengah jam tidak jumpa.

Contohnya di Kuala Terengganu, saya barangkali tidak begitu arif dengan negeri lain. Di Kuala Terengganu **ini**, saya kira Jabatan Bomba ini tidak kurang daripada 70 tahun yang lalu. Ia masih di situ juga dan kalaulah berlaku sesuatu kebakaran ataupun sebarang kemalangan yang memerlukan Perkhidmatan Bomba, kadang-kadaag tergendala.

Jadi, saya sarankan di sini supaya Jabatan Bomba ini diubahsuai di tempat lain dan kalau boleh biarlah ianya agak jauh sedikit daripada pusat bandar itu sendiri demi kepentingan bandar Kuala Terengganu, kerana bandar ini akan didirikan dengan bangunan-bangunan tinggi yang kelak akan tenggelam semula bangunan ini dan sukar untuk menyelaraskan kerja-kerja bomba.

Selain daripada itu bomba ini juga ada paip-paip bomba di tengah jalan ini sama ada jalan ini yang digelar lebuh raya, jalan-raya ataupun jalan daerah, jalan mukim dan lain-lain. Pernah berlaku di tempat saya, di kampung saya suatu kebakaran berlaku. Pegawai-pegawai Bomba mencari paip bomba tidak jumpa sehinggalah rumah yang terbakar ini ranap dalam masa hanya empat minit sahaja. Saya dapat melihat deagan mata kepala saya sendiri. Saya tidak ada niat untuk hendak kondem mana-mana pegawai Kerajaan, tetapi saya kira ini suatu kecuaiian yang kecil sahaja tetapi merbahaya.

Jadi saya mintalah cara kebetulan Yang Berhormat Timbalan Menterinya ada di sini supaya paip-paip bomba di jalan-jalan seluruh negara ini kalau ditutup dengan rumput dan sebagainya, kadang-kadang JKR yang bina jalan ini - nasib baik Menterinya tidak ada di sini,

dilitupnya dengan minyak tar, hilang lubang paip itu. Lubang yang letaknya paip bomba itu hilang. Ini pun harus mendapat pandangan lan kerjasama, kerana ini suatu benda yang tidak boleh dipandang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada B.7 Jabatan Perdana Menteri. Saya sebenarnya mengakulah bahawa saya jahil. Berapa banyakkah di Jabatan Perdana Menteri ini jabatan-jabatan yang bertanggungjawab kepada negara, hanya saya tahu satu dua perkara sahaja, kadang-kadang ada Wakil Rakyat menulis surat terus kepada Jabatan Perdana Menteri minta duit hendak membaiki masjid, hendak membaiki surau - inipun di Jabatan Perdana Menteri tetapi saya pada petang ini hendak melahirkan sekali lagi rasa dukacita saya sebagai seorang Ahli Dewan dan perkata ini tidak akah berlaku pada masa akan datang, kerana ini memalukan Kerajaan dan memalukan Jabatan Perdana Menteri.

Barangkali Tuan Yahg di-Pertua dan Saudara-saudara Ahli Dewan sekalian, tiga empat hari yang lalu satu soalan daripada YangBerhormat Tuan Haji Abu Bakar Lajim meminta orang atau pegawai dari Jabatan Perdana Menteri menjawab soalan Nombor 1 tetapi telah ketinggalan menjadi Nombor 8. Maka amalan ini pada saya sungguh rasa kesal dan saya fikir inilah satu-satu sebab mengapa sesuatu urusan negara sering tergendala dan kita sering mendapat fitnah. Kalau rasa tidak berkeinginan dan tidak berkemampuan untuk bertugas di Jabatan Perdana Menteri, orang yang mengemudikan negara Kertas putih masih murah dan saya yakin ada di kalangan Ahli-ahli Senator ini

yang layak bukan sahaja menjadi Setiausaha Parlimen, malah menjadi Menteri pun [Ketawal kerana bukti jelas dua saudara kita layak menjadi Timbalan Menteri [Tepuk]. Dan saya berdoa ianya akan menjadi Menteri. Tidak ada niat jack ini. Ini betul [Ketawa] [Tepuk].

Saya bukan marah dasar peribadi, kita kena ingat ini semua. Kadang-kadang apa yang dijawab oleh mereka, maksud saya Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen menerusi mass media tadi, walaupun ada di antara Ahli Dewan ini menyatakan dia bercakap panjang tetapi beritanya pendek, pada saya tidak penting, tidak peduli itu semua, yang mustahak hendak melahirkan itu. Perasaan yang saya bawa ini bukan perasaan saya, perasaan rakyat - saya mewakili negeri Terengganu ke Dewan ini. Jadi saya lahirkan perasaan rakyat negeri Terengganu itu sendiri di samping rakyat negara ini.

Jadi kalau raenjawab sesuatu soalan hendaklah menggunakan demi kepentingan politik negara, kerana saya dapati ada di kalangan Menteri dan Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen tidak ingat ini semua.

Apabila Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen menjawab di Parlimen ini, dianya akan terkeluar dan yang paling ditakuti sekali ialah mass media mulut. Dari satu mulut ke satu mulut - hancur negara. Ini sering berlaku dan satu masa dibuat undang-undang di zaman Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri iaitu undang-undang khabar-khabar angin, siapa membawa khabar angin dianggap salah. Kalaupun tidak kerana mass-media mulut ini, maka undang-undang ini tidak lahir. Saya minta sungguh-sungguh supaya menggunakan kebijaksanaannya demi kepentingan negara, apatah lagi memandangkan kedudukan negara sekarang ini, kerana ada, orang yang telah lama menjadi hero hendak menjadi hero semula. Saya fikir ini tidak patut, tidak patut. Kalau saya hendak sebut keadaan seperti ini pada petang ini barangkali, terutama sekali Ahli-ahli Dewan ini dan pegawai-pegawai Kerajaan akan marah dengan saya, sepatutnya dia sudah balik, dia masih ada dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi perkara mengenai Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Menteriya tak ada di sini, tetapi tak mengapa, mungkin ada pegawai yang berkenaan kerana saya tengok yang bekerja keras ini ialah pegawai yang dari mula sampai sekarang mengutip segala maklumat. Apa yang diluahkan oleh Senators ini ialah diambil oleh pegawai-pegawai yang berkenaan, bukan Menteriaya. Tetapi bukanlah saya hendak kondem Menteri. Saya ucapkan syabas kepada pegawai-pegawai yang berkenaan, mudah-mudahan mereka akan menjadi Wakil Rakyat dan terus jadi Menteti, tetapi jangan lupakan saya [Ketawa] - iaitu Kementetian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Baru-baru ini, sebelum saya datang ke sidang ini, saya salah seorang yang hadir bersama-sama dalam Dewan Negeri di Terengganu, telah diberi taklimat oleh pegawai tinggi sekali dalam Kementerian yang berkenaan. Kata dia, mesin-mesin, terutama sekali mesin kerupuk, mesin perabut termasuk buluh yang orang sini panggil 'bamboo' telah diberikan kepada pengusaha-pengusaha kecil di negeri Terengganu. Kalau tak silap ingatan saya, wang yang telah dibelanjakan ini hampir \$1.7 juta. Selepas beberapa bulan katanya, bukan kata saya, mereka yang menerima mesin itu dengan cara percuma membiarkannya begitu sahaja.

Saya naik hairan. Pada hari **itu**, saya memang ada niat hendak bertanya, tetapi saya takut rosak Majlis **itu**, biarlah saya bawa ke mari. Jadi ada yang menerima mesin di daerah A membawanya ke daerah B tanpa diketahui oleh pegawai yang berkenaan. Pada saya, ini bukan salah pengguna yang diberi mesin itu, salah kita sebagai gurunya. Apakah sebelum rancangan ini dibuat, tidak ada daripada Kementerian yang berkenaan membuat satu gerakan banci secara bersungguh-sungguh mana-mana orang yang betul-betul layak baru diberikan mesin itu. Saya nampak tidak ada. Yang menjalankan tugas itu hanya Pembantu-pembantu Penyelia KEMAS. Saya tidak mahu kondem mereka **ini**. Kadang-kadang ini diberi berdasarkan kepada pilih bulu, kadang-kadang diberi berdasarkan kepada keturunan iaitu saudara maranya. Saya sanggup memberi bukti. Satu kes berlaku di Terengganu, mesin membuat kerupuk diberi kepada satu tempat namanya Kuala Iban dan mesin ini telah dibawa ke Mersing tanpa diketahui oleh pegawai yang berkenaan. Mesin membuat kerupuk telah dibawa ke Mersing. Saya tahu orangnya, tetapi saya tak mahu sebutkannya di **sini**. Inilah menunjukkan bahawa kita tidak berhati-hati.

Selepas itu mesin-mesin diberikan, misalnya, untuk perabut buluh, sepatutnya mesin ini ada empat set, misalnya, baru cukup, tetapi tiba-tiba diberikan dua set. Mesin itu berjalan juga, tetapi tak berguna. Jadi saya minta Kementerian yang berkenaan supaya jangan terlalu sangat menempelak rakyat. Kadang-kadang disebut, bagaimana kita hendak menolong orang Melayu - bumiputera.

Baru-baru ini kononnya orang Amerika membuat order kipas mengkuang sebanyak satu juta keping, tetapi tak boleh hendak selesai. Bagaimana hendak selesai? Besok dia hendak, baru hari ini awak beri tahu. Inikah dasar perniagaan antarabangsa? Saya tak fikir begitu. Sebenarnya kalau orang hendak order barang seperti itu, sekurang-kurangnya sebulan-dua, berunding, dahulu, kononnya jawapan ini hanya melepaskan batuk di tangga seolah-olah orang Melayu itu tidak mampu membuat sesuatu. Yang kata inipun Melayu kerana diresapi oleh orang-orang bukan Melayu yang ada niat khianat. Kita kena fikir ini semua.

Selepas itu satu kes lagi berlaku. Ada satu permintaan bagi chop-stick atau penyepit makanan dari buluh sebanyak satu juta daripada Korea; Datanglah pegawai yang berkenaan mengatakan kita berkehendakkan chop-stick sebanyak satu juta. Kalau satu harganya 30 sen, bagi satu juta, berapa jutakah harga barang itu. Bagi tempoh dua-tiga hari bolehkah buat barang itu? Pegawai itu pun mula sembang, **Ini** nak balik ke Kuala Lumpur dah, tak guna datang ke Terengganu. Sembang dalam hotel yang sejuk macam Dewan ini juga, minum -kopi \$3,00 secawan. Kita minta bekalah satu juta tak dapat dibekalkan. Baru dua hari dia datang dia hendak bekalan satu juta. Patutkah tindakan macam itu? Tak patut. Selepas itu garpu buluh, sama juga nasibnya, Akhir-akhir ini mesin pun tak jalan, orang pun tak ada, sebab tidak ekonomik: Siapa hendak bekerja kalau dapat 50 sen-sehari sedangkan belanja \$20.

Pihak Kementerian ini tanggungjawabnya berat, kena berhati-hati jangan duduk bersempang sahaja. Perkara ini memang betul saya cakapkan, saya berani berdepan dengan siapa sahaja hatta Menterinya. Kalau sembang sahaja banyak, kesan tak ada pun tak berguna. Selepas itu kita memperkecilkan kebolehan orang kita sendiri. Ini masalah yang sedang berlaku kepada kita.

Kementerian Kesihatan, Menterinya tak ada. Tetapi pagi tadi saya tanya dia, katanya kita memang menyediakan doktor, tetapi ada yang, bukan doktor mengaku doktor, terpaksa tukar kad pengenalan pegawai-pegawai seminggu sekali kerana mengatasi penjelmaan doktor. Kita beli ubat dari luar negeri berjuta-juta ringgit setahun. Barangkali Timbalan Menteri Kewangan mengetahui Fasal wang orang minta dengan dia Kita beli ubat dari luar negeri, sedangkan ada ubat-ubat yang kita boleh buat. Mengapa kita tidak latih anak-anak pribumi ini? Kalau disebut pribumi, nanti mungkin orang lain marah, maknanya bukan orang Melayu sahaja maksud saya, latih mereka membuat ubat yang lebih menguntungkan. Fasal itu saya tanya tadi yang digelar pakar Pharmacist sehingga bergelar doktor itu ada dua tugas. Ini sepanjang yang saya tahu, dia juga boleh periksa pesakit dan dia boleh buat ubat. Kebanyakan doktor yang ada ini periksa pesakit sahaja, ubat orang lain buat.

Barangkali Tuan Yang di-Pertua mungkin tak pernah membeli Panadol, saya fikir, fasal dia sihat selalu. Sebiji Panadol harganya 20 sen sedangkan ubat yang ada dalam Panadol itu entah banyakk mana, sebab yang di luar itu bukan ubat, yang putih itu gandum ataupun tepung ubi, tetapi yang di dalam itu ubat, entah berapa satu per seribu gram, saya pun tak tahu. Kalau tak percaya, celupkan dalam air, penyetkannya, ia akan jadi gam. Maknanya perniagaan ini

menguntungkan. Kalau kita mahu berjaya, kita kena latih orang kita sebagaimana dilatih jurutera-jurutera kita yang boleh mengendalikan stesyen gas janaelektrik di Paka, salah sata projek janaelektrik yang terbesar di ASEAN - 900 megawatt. Menteri menjawab tadi, kita tak mahu turunkan kadar tetapi kita jual elektrik kita ke selatan Thailand, ke Borneo, ke Sumatra. Maknanya ini berlebihan. Biasanya kalau sudah lebih, dulu sepinggan sekarang dapat 1 1/2 ataupun dua pinggan. Maksud saya turunkanlah kadarnya untuk rakyat yang miskin ini dan kadar untuk hotel kalau hendak dinaikkan, boleh dinaikkanlah.

Yang dapat sedikit, yang daripada nelayannya, penorehnya, buruhnya, ini maksud saya yang hendak suruh turun. Menteri tidak boleh, tidak apalah. Sampai salam saya.

Satu hal lagi mengenai polis. Mengenai polis ini memang ada orang sebut hari ini, tetapi polis ini biasa kerja sampai mati atau tidak? Saya fikir tidak. Cukup umur 55 tahun dia pencen, ia pun ada kesatuannya. Kesatuan Tentera ada pembelanya - pembela hilang. Jadi polis ini saya tidak tahu siapa hendak bela dia, yang sudah bersara ini. Inipun tidak mudah peranan dia, simpang kereta di tepi jalan itu, cara emergency. Kalau sudah orang bertumbuk di sana, dia tentulah letak kereta di situ, bukan sengajalah, saya fikir. Saya bulan hendak membela sangat polis ini, tetapi cara begitulah,

Jadi bekas polis ini pun dipanggil bekas Kesatuan Pesara-pesara Polis. Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan setinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, kerana saya orang Terengganu dan Kerajaan Negeri yang telah memberi tanah kepada bekas perajurit, mungkin termasuk polis kira-kira lebih 2,000 ekar. Tetapi negeri lain tidak ada. Keterangan ini diberi oleh Timbalan Menteri Pertahanan, bukan saya yang kata. Jadi, pada petang ini saya menyeru di Dewan ini dan kalau boleh saya minta berhenti barangkali dalam 5 saat kerana saya hendak bercakap dengan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri di seluruh negara melalui telipati.

Kalau Tan Seri izinkan, saya minta Setiausaha offkan microphone 5 saat sahaja. Saya hendak tanya Ketua Menteri dan Menteri Besar, dia hendak beri tanah atau tidak kepada bekas polis dan perajurit

ini mengikuti jejak negeri Terengganu sebab polis dan tentera ini bukan menjaga Terengganu sahaja, terutama sekali negeri Sabah dan Sarawak tanahnya masih luas. Pahang begitu juga, Perak begitu juga, kenalah beri. Negeri kecil seperti Perlis, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang tidak bolehlah beri tanah kebun dusun buat ladang kerana tanah sedikit. Berilah tapak bangunan untuk perniagaan. Jadi, saya menyeru Menteri-Menteri Besar yang berkenaan supaya mengikut jejak- negeri Terengganu memberi tanah ini untuk ladang dan tapak perusahaan untuk perdagangan kepada bekas polis dan bekas perajurit yang telah bersara ini supaya mereka juga terbela.

Yang akhir sekali, saya tahu Menteri tidak ada, tetapi pegawai dia ada. Dia lihat saya bangun, saya nampak muka dia lain macam. Saya tidak marah. Menteri Kebajikan Masyarakat, ini satu hal lagi Kementerian Kebajikan, Masyarakat ini kena jaga kebajikan semua perkara, bukan orang cacat sahaja, Ahli Dewan pun kena jaga. Ini fasal kebajikan, ertinya umum. Nampaknya wang yang diminta ini pun banyak -, \$1,100,000. Ini minta tambah, betulah habis belanja, tetapi kesannya ada, bukan tidak. Saya minta Menteri yang berkenaan ini, kalaulah boleh supaya dia kena minta dahulu tanah-tanah sebelum tanah-tanah dalam negara kita habis Menteri ini kena minta dahulu tanah menjadi milik Kementerian itu kerana apabila ianya ada projek untuk mendirikan asrama-asrama untuk anak-anak yatim, orang-orang cacat dan sebagainya tidaklah melilau ke sana- ke mari. Dia kena minta dahulu kerana, ada saya dapat hendak mendirikan bangunan anak-anak yatim kecil-kecilan, tanah susah hendak dapat.

Saya minta Kementerian yang berkenaan ini supaya ianya ada tanah dan selain daripada itu bukan sahaja tapak tanah, kalau hendak mengharapkan wang bantuan daripada derma dan Kerajaan sahaja; saya

fikir kita tidak sudah. Saya minta Kementerian yang berkenaan ini minta tanah tanam kelapa sawit, koko dan lain-lain. Kalau ada epal pun tidak apa supaya dijadikan pelaburan kekal dalam negara. Hasil daripada inilah kita laburkan kepada orang-orang yang tidak bernasib baik ini. Apakah ini satu cadangan yang kurang standard? Saya hendak tarik balik. Tetapi saya fikir ini sangat penting, kalau telah dibuat lagi baik. Kalau tidak, Menteri, pegawai pun bertanggungjawab, minta tanah di seluruh negara tanam kelapa sawit, tanam koko, tanam getah, hasil daripada menjual getah, jual kelapa sawit, beli kapal terbang, beli kapal laut, labur di mana sahaja baru dapat duit ini belanja untuk orang miskin.

Saya minta dan kalau boleh sebelum pilihanraya akan datang ini sekurang-kurangnya Kementerian yang berkenaan ini ada kebun dia sama ada atas nama siapa, Lembaga mana, siapa yang bertanggungjawab mengenai harta ini, yang menjadi trustee, dengan izin, itu kita tidak peduli. Lantiklah jawatankuasa - pengelola baru, tidaklah berat kepala Menteri dan pegawai yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak senyum yang ada ini, senyum sinis, senyum terpaksa. Jadi saya rasa perkara lain ini tidak adalah, saya boleh sebut tetapi kesianlah sudah pukul 7.00 kita akan menghadapi waktu Maghrib dan saya mohon menyokong sepenuhnya Akta ini bersama-sama dengan Ahli-ahli Dewan yang lain. Sekian terima kasih.

Tuaa Yang di-Pertua: Kalau tiada lagi Ahli-ahli yang hendak bercakap, saya minta Menteri berkenaan menjawab,

6.59mlm.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya meagucapkan terima kasih kepada semua

Ahli-ahli Yang Berhormat seramai lebih 9 orang bercakap membahaskan Rang Undang-undang yang berkaitan dengan peruntukan tambahan yang telahpun, dipohon diluluskan. Ini adalah luar dugaan saya.

Sebenarnya dalam perbahasan tersebut yang tidak boleh lebih dari sehari, hanya dipusat kepada beberapa perkara yang ada kaitan dengan Rang Undang-undang ini sahaja, Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan terima kasih bagi pihak Kerajaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian. Saya akan cuba menjawab sebanyak mana yang boleh bagi pihak Kementerian-kementerian yang disebut oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Pertama, Dr. Tan Chong Keng telah meminta supaya kita menyatakan mengapakah projek-projek infrastruktur di luar bandar mengambil masa yang panjang untuk diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Memang menjadi hasrat Kerajaan untuk memberi kemudahan asas infrastruktur atau parasarana kepada seluruh kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, suka dimaklumkan dalam pelaksanaan projek infrastruktur ataupun parasarana luar bandar, Kementerian menerima permohonan-permohonan yang tidak begitu sedikit, malahan ratusan projek daripada tiap-tiap negeri. Memandangkan peruntukan yang amat terhad, adalah mustahil bagi Kementerian untuk meluluskan semuanya secara serentak dan sekali gus.

Dalam hal ini, Kementerian telahpun meluluskan satu-satu projek itu berdasarkan keutamaan projek ataupun prioriti yang telah dikenal pasti oleh pihak negeri sendiri dan mengambil kira jumlah peruntukan yang diluluskan bagi negeri tersebut dalam tahun tersebut. Bagi projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan dalam ,tahun semasa,

ianya diluluskan perlaksanaannya, maka ianya akan diambil kira bagi tahun berikutnya. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sentiasa mengambil berat daripada satu masa ke satu masa dan berusaha untuk mendapat tambahan peruntukan daripada Perbehdaharaan dan Kementerian Kewangan bagi membolehkan lebih banyak projek dapat dilaksanakan dalam satu-satu tahun.

Seterusnya Dr Tan Chong Keng juga telah menyentuh berkenaan dengan pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah menarik balik peruntukan pada akhir tahun akibat kekurangan kewangan, katanya. Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini Kementerian biasanya menarik balik peruntukan pada akhir tahun kerana pihak agensi pelaksana tidak dapat membelanjakan peruntukan tersebut atau shortfall dalam tahun semasa ataupun ketika peruntukan itu ditetapkan.

Walau bagaimanapun, peruntukan yang ditarik balik itu akan diberi semula pada tahun berikutnya untuk meneruskan pelaksanaan projek yang telahpun dikenal pasti itu.

Dr Tan Chong Keng sekali lagi telahpun membangkitkan berkenaan dengan soal memperkembangkan bomba sukarela atau bomba gotong-royong, ini istilah baru, dan supaya menimbulkan kesedaran sivik kepada orangramai. Bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perkhidmatan Bomba telahpun diperuntukkan pada tahun 1988 sejumlah \$1 juta iaitu peruntukan tambahan untuk memperkembangkan bomba gotong-royong ini. Peruntukan tersebut adalah untuk membeli alat-alat bantuan awal seperti pam angkut dan hose.

Sebenarnya, pihak Jabatan Perkhidmatan Bomba telah mengadakan usaha-usaha untuk menyedarkan orangramai tentang pentingnya pencegahan kebakaran. Di antara program kesedaran sivik yang telah dilakukan oleh Jabatan adalah seperti mengadakan minggu kempen mencegah kebakaran yang diadakan pada tiap-tiap tahun, ceramah-ceramah umum, menyebarkan poster-poster dan sebagainya

Berkaitan dengan itu juga Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang telah membangkitkan berkenaan dengan **pili-pili** bomba di seluruh negara yang kadang-kadang dicari tidak jumpa, katanya. Jabatan Perkhidmatan Bomba sebenarnya sentiasa mengambil perhatian berat terhadap **pili-pili** bomba itu. Antara usaha-usaha yang dijalankan ialah seperti mengadakan program menganak-angkat **pili-pili** bomba kepada orang-orang perseorangan ataupun syarikat-syarikat swasta dan sebagainya. Jika sekiranya Yang Berhormat hendak jadi pak angkat **pili** bomba [Ketawa] bolehlah menghantar nama Yang Berhormat kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada di sebelah saya ini.

Sekali lagi saya hendak menyentuh berkenaan dengan ucapan yang dibuat oleh Dr Tan Chong Keng yang meminta supaya ditambahkan Taman Sinar Harapan supaya diadakan sebuah Taman Sinar Harapan di **tiap-tiap** negeri.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian Kebajikan Masyarakat mengambil perhatian dan akan membuat kajian terhadap cadangan Yang Berhormat tersebut untuk mengadakan sebuah Taman Sinar Harapan ataupun Pusat Cacat Akal bagi setiap negeri. Keperluan ini akan dikaji semula di bawah Rancangan Pembangunan Kementerian Kebajikan Masyarakat. Di samping itu pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat ingin menyarankan agar pertubuhan-pertubuhan sukarela juga dapat menambahkan Taman-taman Sinar Harapan secara kecil-kecilan dan kalau boleh untuk memenuhi keperluan tersebut pihak Kementerian sentiasa memberi galakan dan bantuan terhadap usaha sukarelawan ataupun badan-badan sukarelawan-sukarelawan ini. Dengan cara ini ianya memberi peluang kepada ahli-ahli masyarakat untuk memberi sumbangan terhadap mereka yang kurang bernasib baik dalam kerja-kerja kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya hendak mengingatkan supaya kalau boleh kita berhentikan pada jam 7.15 malam untuk orang-orang Islam menunaikan sembahyang Maghrib.

Izinkan saya meneruskan, Tuan Yang dt-Pertua. Yang Berhormat Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak telah membangkitkan berkenaan dengan pemberian keutamaan kepada pembangunan industri kecil dan juga memberi peruntukan yang lebih kepada pembangunan industri kecil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememanglah Kerajaan memberi keutamaan kepada pembangunan industri kecil. Banyak program-program telahpun diadakan dalam bentuk kewangan pasaran teknologi pengurusan dan tapak kilang. Usaha—usaha telah dibuat dan sedang dibuat untuk mengenal pasti banyak lagi program-program untuk membangunkan industri kecil dan peruntukan tambahan akan diberi mengikut kemajuan negara malahan baru-baru ini telah ditubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji semula prestasi, dan kedudukan industri kecil di seluruh negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Untuk mengambil tindakan susulan ke atas projek-projek industri kecil supaya ia berjaya seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Tuan Mohd. Wajdi, Kerajaan sememangnya telah mengadakan tindakan susulan ke atas projek-projek industri kecil, supaya ianya berjaya. Projek tersebut sentiasa dikaji dan diberi perhatian dari masa ke semasa supaya apa-apa masalah yang dapat diatasi akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Mohd. Wajdi telahpun membangkitkan hal berkaitan dengan industri kraftangan dan kemajuan industri tersebut yang pada pendapat beliau tidak berada ditahap yang membanggakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kalau Yang Berhormat memerhatikan baru-baru ini didapati bahawa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar melalui agensi pelaksanaannya iaitu Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah berusaha untuk meningkatkan lagi kemajuan industri kraftangan tempatan dari segi aspek mutu dan reka bentuk barang-barang yang dikeluarkan. Usaha-usaha ini telah dilakukan dengan mendapatkan khidmat kepakaran dari dalam dan luar negeri. Sekala pembaharuan dari segi aspek reka bentuk dan barangan yang bermutu dapat dilihat jika sekiranya Yang Berhormat pergi ke Infokraft Malaysia yang letaknya di Kompleks Daya Bumi yang mula dibuka kepada orangramai pada bulan April, 1986. Melalui saluran Infokraft ini, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telahpun banyak menerima pertanyaan-pertanyaan perdagangan iaitu daripada United States of America (USA)- Eropah, Jepun, United Kingdom, Switzerland, Jerman Barat, Luxemburg, Italy, France, Oman, Taiwan, Filipina dan Singapura. Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat kemajuan yang amat besar yang telah tercapai dalam bidang yang telahpun dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Bahkan baru-baru ini kita telah berjaya mengeksport barangan bakul anyaman rotan Ke negara Jepun pada awal Februari 1987. Ini jelas menunjukkan bahawa kita telahpun dapat mencapai satu mutu yang boleh diterima oleh pasaran antarabangsa. Apatah lagi pasaran Jepun yang sukar sangat untuk ditembusi oleh mana-mana negara yang dikatakan yang kurang maju.

Ini adalah satu perkara yang amat membanggakan dan saya sendiri telahpun melihat bahawa di pusat ini terdapat produksi yang bukan sahaja setanding dengan taraf antarabangsa tetapi melebihi daripada taraf antarabangsa, standard yang diterima oleh orang-orang Amerika dan orang-orang Eropah mengikut selera orang-orang Eropah dan juga orang-orang Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Mohd. Wajdi juga meminta supaya peruntukan lebih besar patut diberi kepada Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut. Pada masa saya membentangkan Rang Undang-undang ini yang telahpun diluluskan dalam Dewan yang mulia ini telahpun saya menyatakan bahawa peruntukan yang telahpun diberi sebanyak \$10 juta itu hanyalah peruntukan awal dan jika sekiranya diperlukan tambahan kepada peruntukan ini insya Allah Kementerian Kewangan akan mempertimbangkan dengan sewajarnya. Memang pun kita menggalakkan juga pihak-pihak swasta memainkan peranan masing-masing untuk mempertingkatkan taraf jika sekiranya dibenarkan Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut ini dengan penglibatan pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin kalau boleh berhenti di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tempohkan mesyuarat setengah jam dan balik ke sini pada jam 7.45 malam, kerana sampai masanya untuk Maghrib.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dtempohkan sehingga jam 7.45 malam.

Persidangan dtempohkan pada pukul 7.15 malam.

Persidangan disambung semula pada pukul 7.48 malam.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAH (1987)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung dan menyentuh berkenaan dengan teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff yang meminta Kementerian mengambil perhatian terhadap masalah jalan luar bandar di Keluang, Johor terutamanya Jalan Paloh sejauh 15 kilometer yang dibina dengan jalan tanah merah.

Di sini Kementerian ingin memberi jaminan bahawa Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan di atas masalah yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi. Jika sekiranya timbul lagi masalah ini diminta Yang Berhormat berhubung terus dengan Kementerian berkenaan.

Mengenai soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tan Chai Ho yang telah meminta supaya Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan mempercepatkan urusan permohonan penduduk-penduduk Jinjang untuk mendapat semula hak milik tanah yang kebanyakannya akan luput pada tahun 1989. Sebenarnya apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Tan Chai Ho ialah berkenaan leasehold yang akan luput pada tahun 1989. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar bahawa tanah lot rumah kediaman dalam kawasan Kampung Baru Jinjang Utara dan Jinjang Selatan akan luput dalam tempoh dua tahun lagi.

Pada masa ini kajian yang **teliti** sedang dijalankan oleh Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan mengenai permohonan daripada penduduk-penduduk Jinjang bagi mendapatkan tambahan ataupun melanjutkan tempoh 'leasehold' ataupun pajakan yang akan luput itu. Kajian ini termasuklah dari segi perancangan, kegunaan tanah pada masa sekarang dan sebagainya.

Pihak Kerajaan akan menimbangkan permohonan ini dengan sewajarnya sebaik sahaja kajian tersebut selesai dijalankan oleh Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan, sebagaimana juga yang telah dilakukan kepada penduduk-penduduk Kampung Baru Salak Selatan ataupun Salak South baru-baru ini. Bilangan lot-lot yang terlibat di kawasan Jinjang ialah rumah kediaman sebanyak 2,438 lot dan bangunan perdagangan sebanyak 749 lot.

Menyentuh berkenaan dengan 5,000 kilang yang menduduki tanah Kerajaan di Wilayah Persekutuan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan sedang memberi perhatian untuk mewujudkan kawasan-kawasan perusahaan ringan di beberapa kawasan di Wilayah Persekutuan. Pada peringkat awalnya satu kawasan tanah kerajaan seluas lebih kurang 140 ekar akan dimajukan oleh suatu pemaju yang telah dipilih. Rancangan ini dijangka akan dapat membantu atau memberi peluang kepada industri-industri kecil yang bertaraf setinggan di kawasan tersebut. Insya Allah, apabila selesai pembinaan kawasan yang dimaksudkan, maka pengusaha-pengusaha di kawasan-kawasan tersebut bolehlah memohon untuk mendapatkan satu lot seorang daripada kementerian atau jabatan yang berkenaan.

Seterusnya Dr. Tan Chong Kheng sekali lagi memandang berat mengenai pinjaman yang besar yang dibuat daripada Bank Dunia dan beberapa negara asing yang lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar perlunya berbelanja dengan berhati-hati sama ada sumber kewangan itu untuk membiayai perbelanjaan negara dari segi pinjaman ataupun hasil yang dipungut daripada dalam negeri, lebih-lebih lagi dalam keadaan kemelesetan ekonomi yang mengakibatkan keadaan kewangan Kerajaan tidak begitu teguh pada hari ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan telahpun mengambil tindakan bagi menentukan supaya kadar kenaikan perbelanjaan awam dapat dibendung sesuai dengan kemampuan kewangannya pada masa kini dan masa-masa akan datang langkah-langkah tersebut akan diteruskan. Ini adalah bagi menentukan bahawa perbelanjaan mengurus Kerajaan dibiayai daripada sumber kewangan daripada hasil semata-mata dan tidak melibatkan pinjaman terutama daripada luar negeri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kedudukan ekonomi negara sudahpun pulih oleh kerana ini adalah disebabkan oleh cara Kerajaan mentadbirkan wang yang terdapat pada ketika ini.

Seterusnya Senator Tiong Hiew King telah meminta Kerajaan dan pengawai-pegawai Kerajaan lebih berhati-hati apabila membelanjakan wang kerana Kerajaan mengalami kekurangan wang. Sekali lagi saya ingin mengulangi bahawa Kerajaan sememangnya sedar akan perlunya berjimat-cermat dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang. Peruntukan yang diminta adalah yang paling munasabah dan untuk menentukan perkhidmatan kepada rakyat tidak terjejas.

Yang Berhormat Senator Abdul Majid Abdullah telahpun mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan yang menganjurkan pertandingan keindahan rumah di kampung-kampung di mana telah menampakkan hasil

yang memuaskan. Beliau telah mencadangkan supaya prestasi kampung-kampung sentiasa, diawasi setiap tahun. ,Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program pertandingan keindahan rumah-rumah kampung adalah merupakan program berterusan di mana kampung-kampung terindah di peringkat daerah akan bertanding di peringkat negeri dan seterusnya akan dibawa ke peringkat kebangsaan. Proses ini akan berulang pada tiap-tiap tahun.

Yang Berhormat Hajjah Salbiah Mohd. Akim membangkitkan mengenai terdapat pemandu Polis yang meletakkan kenderaan sesuka hati di tempat-tempat larangan. Ingin saya menegaskan di sini bahawa anggota Polis Diraja Malaysia adalah juga tertakluk kepada peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa. No man is above the law, dengan izin. Dakwaan Ahli Yang Berhormat itu mungkin dilakukan oleh segelintir anggota Polis yang tidak bertanggungjawab mungkin juga ketika itu berlaku sesuatu kecemasan, maka tindakan kecemasan jugalah perlu diambil pada ketika sedemikian. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai aduan tertentu, maka diharapkan Ahli Yang Berhormat dapat membuat aduan kepada pihak-pihak Polis untuk membuat tindakan sewajarnya.

Seterusnya sekali lagi Yang Berhormat Syed Abdul Hamid telahpun meminta supaya terdapat penempatan Balai Polis di daerah beliau iaitu di Kluang, Johor. Perkara yang dibangkitkan berkenaan penempatan,pondok-pondok dan Balai Polis di kawasan Ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian, Walau bagaimanapun, perancangan pembinaan projek pondok dan Balai Polis adalah bergantung kepada beberapa keutamaan seperti kadar, taburan penduduk, kadar jenayah dan

peruntukan kewangan yang ada. Kementerian sentiasa mengambil perhatian untuk mengadakan kemudahan-kemudahan tersebut kepada orang ramai, insya Allah.

Mengenai kereta peronda yang digunakan oleh Polis, sekali lagi Senator Syed Abdul Hamid telah membangkitkan mengenai dengan kekurangan spare parts, dengan izin, untuk kereta Volvo 360 yang digunakan oleh Polis Peronda. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang benar pihak Polis menggunakan kereta tersebut sebagai kereta peronda dan kereta pengiring rapat, ini istilah baru - kereta pengiring rapat. Di samping itu Polis juga meeggunakan kereta-kereta lain termasuk kereta Proton Saga. Penggunaan berbagai jenis kereta ini adalah bergantung kepada keperluan Polis. Mengenai kenyataan Ahli Yang Berhormat mengatakan kereta-kereta Volvo 360 menghadapi masalah alatganti, sukacita dimaklumkan bahawa setakat ini pihak Polis tidak menghadapi apa-apa masalah untuk mendapatkan alatganti. Pihak jabatan berkenaan memang mempunyai kontrak pembekalan alatganti bagi kereta-kereta tersebut,

Yang Berhormat Senator Syed Abdul Hamid seterusnya membangkitkan mengenai pakaian Polis yang perlu pada pendapat beliau ditukar. Cadangan Ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan,

Yang Berhormat Senator Mustafa Awang telahpun membangkitkan berkenan dengan penyalahgunaan mesin-mesin yang telahpun dikeluarkan ataupun disupply oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sekarang ini kementerian sedang mengambil stok semua mesin-mesin yang diberi termasuk tempatnya, jenis dan lain-lain lagi. Dengan adanya maklumat dan stok yang lengkap ini, Kerajaan akan

dapat mengawasi semua mesin-mesin dan penggunaan mesin-mesin itu mengikat seperti yang telah ditetapkan. Semua projek bantuan dikaji dengan mendalam supaya mesin-mesin yang diberikan oleh Kerajaan dapat digunakan dengan berkesan.

Tuan Yang-di-pertua, sekali lagi Dr. Tan Chiew King . telah menimbulkan berkenaan dengan penyelewengan subsidi harga padi. Pihak LPN, untuk makluman Ahli Yang Berhormat telah mengadakan Kawalan yang lebih ketat dari masa ke semasa di dalam pengawalan penyelewengan subsidi harga padi ini.

Antara kawalan-kawalan yang telah dilaksanakan ialah mengadakan Buku Daftar Pesawah. Semua butir-butir mengenai petani didaftarkan di dalam buku ini. Sekiranya maklumat ini bercanggah terutama dari segi jumlah pengeluaran padi yang melebihi daripada yang dijangka ataupun yang tercatat dalam buku itu, maka penyiasatan akan dibuat sebelum sebarang bayaran dikeluarkan.

Kedua, mengadakan Ledger Daftar Pesawah untuk mengawal semasa petani menjual padi itu di pasar-pasar ataupun di pusat-pusat belian.

Ketiga, Unit Penyiasatan Subsidi telahpun ditubuhkan awal tahun 1988 khusus bagi menyiasat kes-kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Senator Mohd. Wajdi sekali lagi membangkitkan hal mengenai pengimportan beras oleh LPN. Untuk makluman Yang Berhormat berat yang diimport adalah dari mutu yang lebih baik dan jika dibandingkan dengan mutu dan harga beras tempatan, ia adalah lebih baik dan rendah harganya. Walau bagaimanapun, harga jualan negara ini adalah berdasarkan harga yang dikawal oleh Kerajaan sebab beras ini termasuk dalam barang-barang yang telah dimasukkan dalam kawalan. Sekiranya dasar pengimportan beras luar negeri ini baik berdasarkan kepada kontrak daripada Kerajaan ke Kerajaan ataupun G to G dan setiap kali diimport, harga dan juga mutu beras yang berkenaan dipastikan baik dan harganya pun patutlah berpatutan. Selepas daripada itu, maka Kerajaan akan sentiasa menentukan bahawa LPN yang sebenarnya menjadi badan yang boleh mengimport beras tadi daripada pembekal-pembekal tersebut, maka sentiasa Kerajaan

mengawasi tindakan-tindakan dan juga pembelian yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa Awang sekali lagi membangkitkan masalah hakisan pantai, khasnya di kawasan pantai timur. Walaupun masalah ini terkeluar sedikit daripada soal pokok yang telahpun kita bincang hari ini, tetapi untuk makluman Yang Berhormat di bawah Rancangan Malaysia Kelima, peruntukan sebanyak \$16 juta telahpun diperuntukkan di bawah Kementerian Pertanian bagi menjalankan program mencegah hakisan pantai yang mana telahpun mengenal projek-projek yang mungkin timbul daripada hakisan pantai yang dimaksudkan tadi. Sehingga akhir tahun 1987 sebanyak \$238. juta telahpun dibelanjakan. Dengan ini adalah diharapkan beban yang sebelum ini ditanggung oleh Kerajaan Negeri dapat dikurangkan.

Sekali lagi Yang Berhormat Hajjah Salbiah telah membangkitkan mengenai dengan Muzium, iaitu Jabatan Muzium yang ditubuh pada tahun 1963. Sukacita dimaklumkan iaitu Jabatan Muzium merupakan sebuah jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk mengumpul, menyelidik dan juga menyelamatkan seluruh khazanah negara baik di dalam dan di luar negeri. Kenyataan Yang Berhormat sebenarnya tidak benar dan tuduhan itu saya, kira agak keterlaluan sedikit di mana sehingga Kini tidak terdapat seorang pun pegawai jabatan yang dihantar Keluar negara melebihi 4 bulan hanya kerana untuk mencari barang-barang lama sahaja. Akhir-akhir ini apabila negara kita telah mengalami kemelesetan, Jabatan Muzium tidak langsung menghantar pegawainya ke luar negari kecuali yang ditaja oleh pihak swasta atau badan-badan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya saya tidak menyebut satu persatu tentang teguran-teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan pandangan-pandangan yang diberi, saya minta maaf. Walau

bagaimanapun, Kementerian-kementerian yang terdapat wakilnya di dalam Dewan yang mulia ini telahpun mencatat semua pendapat-pendapat dan teguran- teguran tersebut. Sekali lagi bagi pihak Kerajaan saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah, bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Bacaaa Kali Yang Ketiga

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang ini telahpun ditimbang-kan dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali ketiga dan diluluskan sekarang.

Tuaa Haji Hussein bia Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yaag di—Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Rang Undang-undang ini telahpun selesai dan Majlis ini ditangguhkan sekarang sehingga esok jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.06 malam.

